





# LAPORAN TAHUNAN 2011

KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR



**© KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR**

**Hakcipta Terpelihara 2012**

Penerbitan ini boleh diterbit semula keseluruhan dan sebahagiannya, bagi tujuan pendidikan atau tujuan-tujuan yang tidak memberi keuntungan tanpa persetujuan daripada pemilik hakcipta, dengan syarat penghargaan diberi kepada sumber berkenaan dan senaskhah terbitan yang menggunakan terbitan ini sebagai sumber di Kementerian Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar, terbitan ini tidak boleh diterbitkan untuk jualan atau untuk apa-apa tujuan perniagaan tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Kementerian Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar.

**Disunting Oleh :**

Bahagian Komunikasi Korporat  
Kementerian Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar  
Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2  
62100 Putrajaya


ISSN 1823-5689

**Sumber Gambar :**

Kementerian Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar  
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur  
Perbadanan Putrajaya  
Perbadanan Labuan  
Pejabat Pengarah Tanah & Galian WP  
Majlis Sukan Wilayah Persekutuan

# Rasional

---



Dua tetapak tangan memberi maksud harapan serta sokongan Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar terhadap perpaduan rakyat 1Malaysia yang berbilang kaum.

Bentuk '*globe*' menunjukkan fungsi perhubungan di antara Kementerian dan rakyat yang tiada sempadan.

# Kandungan

---

6 **Petikan Perutusan**

Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar

---

8 **Petikan Alu-Aluan**

Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar

---

10 **Kalendar Korporat 2011**

---

**Laporan Bahagian KWPKB**

- 22 Bahagian Kesejahteraan Bandar
  - 32 Bahagian Perancangan Dasar
  - 38 Bahagian Pembangunan Strategik
  - 46 Bahagian Khidmat Pengurusan
  - 58 Bahagian Pengurusan Pembangunan
  - 64 Bahagian Komunikasi Korporat
  - 74 Bahagian Pengurusan Maklumat
  - 78 Pejabat Penasihat Undang-Undang
  - 82 Urusetia Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan
  - 86 Bahagian Audit Dalam
- 

**Laporan Agensi KWPKB**

- 89 Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
- 94 Perbadanan Putrajaya
- 102 Perbadanan Labuan
- 112 Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Wilayah Persekutuan
- 116 Majlis Sukan Wilayah Persekutuan



*Pejikan Perutusan*

---

**Menteri**  
Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar

*Pejikan Au-Auan*

---

**Ketua Setiausaha**  
Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar

# Petikan Perutusan

## Pembangunan

*“Saya pernah tegaskan bahawa hasrat kerajaan untuk membangunkan kawasan itu (Kampung Bharu) tiada kaitan dengan politik. Niat kita baik untuk membantu pewaris dan pemilik tanah di Kampung Bharu memajukan kawasan tapi dengan keizinan mereka.”*

Kenyataan Media

10 November 2011 | Berita Harian

*“Projek pembangunan semula rumah pangsa empat tingkat Kampung Kerinchi akan menjadi contoh kepada pembangunan kawasan usang lain di ibu negara apabila ia berjaya kelak. Kita ingin memastikan supaya penduduk mendapat nikmat dari pembangunan negara di masa depan.”*

Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri dan Meraikan Bakal Haji 2011, Kerinchi

28 September 2011 | Utusan Malaysia

## Perumahan

*“Kementerian sentiasa mengambil kira keperluan mereka yang memerlukan rumah. Kalau ada permohonan pesara polis, Kementerian akan beri keutamaan walaupun rumah PPR sudah tidak banyak lagi. Mengenai kios perniagaan, kita cuba sediakan untuk mereka yang berkelayakan.”*

26 September 2011 | Berita Harian

## Penyelenggaraan

*“Bagi perumahan kos rendah, KWPKB menerusi Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia menanggung 80 peratus daripada jumlah keseluruhan kos penyelenggaraan dan 60 peratus pula bagi perumahan kos sederhana rendah sementara selebihnya ditanggung penduduk.”*

Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri

27 September 2011 | Harian Metro

BERSAMA / BERBADAN  
PENYELU... ARAN

Utamakan Oleh:

## Menteri

Wilayah Persekutuan dan  
Kesejahteraan Bandar



### Pengangkutan

*"Kerajaan akan bertindak secara adil dan saksama dalam isu pengambilan tanah di Jalan Sultan dan Jalan Petaling untuk projek pembinaan MRT di bawah program Greater KL/KV. Kerajaan turut akan mengambil kira pandangan masyarakat setempat terhadap isu ini dan berharap projek pembangunan ini tidak membawa kesan negatif yang tidak diingini kepada masyarakat setempat."*

Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Peringkat Wilayah Persekutuan, Taman Tasik Titiwangsa, KL  
25 September 2011 | Sin Chew Daily

### Prihatin

*"Bantuan sewa rumah yang merupakan salah satu bantuan dalam Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) disalurkan kepada keluarga miskin tegar dan miskin yang tidak mempunyai kediaman sendiri. Selain bantuan baik pulih rumah, kita turut menyampaikan bantuan persekolahan, peralatan kesihatan dan sumbangan wang tunai kepada keluarga miskin yang dikenalpasti memerlukan bantuan. Kita berharap bantuan ini dapat meringankan kehidupan seharian dan anak mereka dapat meneruskan pembelajaran ke peringkat lebih tinggi."*

Program Ziarah Kesejahteraan Bandar di Rembau  
10 Oktober 2011 | KOSMO & Berita Harian

A handwritten signature in black ink, appearing to be 'Dato' Raja Nong Chik Bin Dato' Raja Zainal Abidin'.

Dato' Raja Nong Chik Bin Dato' Raja Zainal Abidin

# Petikan Au-Auan

*"Kita (KWPKB) telah mulakan tahun 2010 yang lalu dengan menggerakkan jentera pembangunan dan pengurusan kita secara seimbang. Antara kegigihan di dalam semangat kerja berpasukan yang ditunjukkan, kita (KWPKB) berjaya merealisasikan beberapa program dan projek yang berorientasikan rakyat antaranya, Penjualan Perumahan Rakyat; Little India; Pembangunan Semula Kampung Bharu; Taman Botani; Program Penghijauan; Program Bandar Selamat; Program Kesejahteraan Bandar; Projek Halal Hub; dan Program Pembangunan sosio-ekonomi."*

12 Januari 2011 | Majlis Perhimpunan Bulanan KWPKB Bagi Bulan Januari 2011

*"Jumlah peningkatan aduan yang tinggi ini adalah hasil daripada usaha KWPKB bersama agensi yang telah membuka saluran aduan yang pelbagai kepada orang awam. Meskipun penerimaan aduan adalah tinggi, penyelesaian aduan bagi KWPKB dan agensi juga cemerlang diharapkan pengurusan aduan dimantapkan dan pengurangan aduan berulang dapat direalisasikan."*

15 Mac 2011 | Majlis Perhimpunan Bulanan KWPKB Bagi Bulan Mac 2011

*"KWPKB telah mendahului untuk menyahut seruan pengendalian insiden keselamatan ICT sektor awam oleh pihak MAMPU, di mana satu Pasukan Pengendalian Insiden Keselamatan ICT (Computer Emergency Response Team atau CERT) telah ditubuhkan pada tahun 2009. Ekoran daripada tindakan reaktif KWPKB ini, Kementerian telah diberi pengiktirafan dan penghargaan oleh MAMPU kerana merupakan antara 10 Kementerian yang paling awal dalam penubuhan pasukan."*

18 Mei 2011 | Majlis Perhimpunan Bulanan KWPKB Bagi Bulan Mei 2011



## Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar

*"Pada 18 Ogos 2011 ini akan tercatat satu lagi sejarah apabila Kementerian ini akan berada di dalam atmosfera Audit Pra Pematuhan MS ISO 9001:2008 yang akan dijalankan oleh Badan Pensijilan Luar. Setiap daripada warga KWPKB harus tahu mengenai Sistem Kualiti Pengurusan KWPKB dan memahami 30 prosedur MS ISO yang telah diperincikan oleh Bahagian-bahagian yang berkaitan."*

17 Ogos 2011 | Majlis Perhimpunan Bulanan KWPKB Bagi Bulan Ogos 2011

*"Penilaian kejayaan sesuatu projek pembangunan yang dilaksanakan KWPKB dan agensi-agensinya bukan sekadar mengambil kira pelaksanaan projek yang disempurnakan mengikut perancangan secara teknikal dan kewangan. Namun, setiap projek pembangunan yang dilaksanakan seharusnya menitikberatkan pandangan dan maklum balas yang dikemukakan dari pelbagai pihak dan lapisan masyarakat termasuk pemimpin masyarakat dan ahli politik."*

30 November 2011 | Majlis Perhimpunan Bulanan KWPKB Bagi Bulan November 2011

**Dato' Hj. Ahmad Phesal Bin Talib**

# Kalender Korporat 2011

## Januari



10,000 expression of Greener KL pada 15 Januari hingga 28 Februari 2011



Kempen Kibar Bendera Wilayah Persekutuan Sempena Hari Wilayah Persekutuan pada 28 Januari 2011

## Januari



Majlis Pelancaran Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2011 pada 29 Januari 2011

## Februari



Istiadat Menghadap & Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat WP 2011 pada 1 Februari 2011



Karnival WOW! Putrajaya pada 11 hingga 13 Februari 2011

## Februari



Pelancaran Program E-Bandar Raya Local Agenda 21 Kuala Lumpur pada 12 Februari 2011



Pertandingan Golf Diraja Sempena Hari Wilayah Persekutuan pada 13 Februari 2011



Majlis Penutupan Hari Wilayah Persekutuan di Labuan pada 26 Februari 2011

## Mac



Majlis Jamuan Teh Rakyat Sempena Hari Wilayah Persekutuan 2011 pada 13 Mac 2011

## April



Majlis Penanaman Pokok Serentak Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di Taman Sri Sentosa pada 16 April 2011

## Mei



Majlis Perasmian Menara Seri Wilayah Oleh YAB Timbalan Perdana Menteri pada 3 Mei 2011



Majlis Pelancaran Perluasan Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia ke Perumahan Kos Sederhana Rendah Swasta pada 29 Mei 2011

Jun



Majlis Ramah Mesra dan Sesi Penyerahan Surat Arahan Kerja kepada kontraktor berjaya Taman Melati pada 2 Jun 2011



Majlis Perasmian Taman Botani Perdana Kuala Lumpur pada 28 Jun 2011

# Julai



Majlis Pelancaran Majlis Perwakilan Kesejahteraan Bandar pada 7 Julai 2011



Festival Bunga dan Taman Putrajaya (FLORIA) 2011 pada 9 hingga 17 Julai 2011

# Julai



Majlis Pelancaran Projek Perumahan 1Malaysia (PR1MA) pada 4 Julai 2011



Program Gotong Royong Perdana Taman Sentosa pada 31 Julai 2011

## Ogos



Program Jom Sahur YB Menteri WPKB Bersama warga WPKL pada 20 Ogos 2011

## September



Konvensyen Inovatif dan Kreatif (KIK) Peringkat WP 2011 pada 13 hingga 14 September 2011

## September



Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri 2011 Bersama Warga WP KL pada 24 September 2011

## Oktober



Program Perjumpaan Bersama Warga Perumahan Sri Melaka Bagi Cadangan Pembangunan Semula pada 14 Oktober 2011

## November



Program Anti Denggi Blog for FT Cares! pada 10 November 2011

## Disember



Majlis Pelancaran Greater KL / KV Tender Alert System (GTAS) pada 6 Disember 2011



**BAHAGIAN KESEJAHTERAAN BANDAR**

Bahagian Kesejahteraan Bandar (BKB) berperanan untuk **membasmi kemiskinan** bandar di seluruh negara dan **melaksanakan program-program kesejahteraan bandar**. BKB ditunjangi oleh tiga (3) seksyen utama iaitu Seksyen Kemiskinan Bandar, Seksyen Sosial dan Seksyen Ekonomi.

### PROGRAM KEMISKINAN BANDAR (PKB)

PKB adalah bertujuan membantu golongan miskin dan berpendapatan rendah di bandar meningkatkan kualiti hidup di samping mengurangkan beban tanggungan keluarga. Pelaksanaan PKB adalah selari dengan hasrat Kerajaan dalam Rancangan Malaysia ke Sepuluh (RMK-10) iaitu untuk mengurangkan insiden kemiskinan daripada 3.8% pada tahun 2009 kepada 2.0% pada tahun 2015 dan meningkatkan purata pendapatan isi rumah berpendapatan 40% terendah (dirujuk sebagai B40) daripada RM1,440 pada tahun 2009 kepada RM2,300 pada tahun 2015. Kumpulan sasar PKB adalah terdiri daripada isi rumah miskin dan mudah miskin dan akan diperluaskan kepada isi rumah B40. Isi rumah hendaklah berstatus warganegara dan status kemiskinan mereka telah disahkan dalam e-Kasih.

#### Bantuan Di Bawah Program Bahagian Kesejahteraan Bandar

##### Bantuan Sewa Rumah

Bantuan ini diberikan kepada isi rumah miskin dan miskin tegar yang berdaftar dengan e-Kasih yang menyewa semua jenis rumah **kecuali** rumah setinggan serta rumah program sewa beli milik Kerajaan

Negeri. Sehingga Disember 2011, seramai 2,783 KIR telah menerima bantuan berkenaan dengan jumlah perbelanjaan **RM4,140,608.00**.

##### Bantuan Perumahan Bandar

Bantuan ini diberikan kepada isi rumah berstatus miskin (termasuk miskin tegar) dan mudah miskin yang berdaftar dengan e-Kasih yang mendiami rumah yang rosak, usang, daif atau tidak selamat untuk diduduki. Skop bantuan meliputi bina baru rumah dan baik pulih rumah. Status pemberian bantuan bagi tahun 2011 adalah seperti berikut:

Jenis Bantuan	Jumlah KIR	Jumlah Perbelanjaan (RM)
Bina Baru	178	7,196,000.00
Baik Pulih	58	290,000.00
JUMLAH	236	7,486,000.00

##### Program Pembangunan Minda Insan

Terdiri daripada modul motivasi, pembangunan minda dan jati diri kepada kumpulan sasar yang meliputi aspek-aspek sendiri, ekonomi, kesihatan dan sivik.



Program Ziarah Kesejahteraan Bandar oleh YB Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar di Rembau, Negeri Sembilan



Program Ziarah Kesejahteraan Bandar oleh YB Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar di Segamat, Johor

**Program Bina Upaya**

Terdiri daripada latihan kemahiran dalam semua bidang di semua sektor yang boleh dipilih oleh kumpulan sasar mengikut minat dan kemampuan agar dapat meningkatkan kemahiran kumpulan sasar supaya mampu mendapat pekerjaan atau mengusahakan perniagaan dengan pendapatan yang lebih tinggi.

**Program Jana Pendapatan Keusahawanan**

Terdiri daripada projek-projek keusahawanan bagi program jana pendapatan yang terdiri daripada empat skop utama iaitu berasaskan perniagaan secara kecil-kecilan, perkhidmatan, perusahaan sumber asas tani dan aktiviti pertanian. Bilangan peserta dan negeri-negeri yang terlibat dalam tahun 2011 adalah **2,228 orang peserta**. Hasil daripada program yang dijalankan, jumlah peserta yang telah dapat menjana pendapatan selepas tamat latihan adalah seperti jadual di bawah:



Program Jana Pendapatan yang dijalankan oleh NGO

Bil	Bilangan Peserta Yang Menjana Pendapatan Selepas Tamat Latihan	
	Purata Pendapatan Bulanan	Jumlah Peserta
1.	Bawah RM500	901
2.	RM500 – RM1,000.00	433
3.	Melebihi RM1,000.00	390
<b>JUMLAH</b>		<b>1,724</b>

**Program Ziarah Kesejahteraan Bandar**

Program ini bertujuan untuk mendekati dan mengenali masyarakat bandar yang kurang bernasib baik melalui lawatan rumah ke rumah dan melibatkan penyerahan beberapa bantuan dan sumbangan. Pada tahun 2011, Bahagian ini telah melaksanakan 11 lawatan ke bandar-bandar seluruh Malaysia.



Program Ziarah Kesejahteraan Bandar oleh YB Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar

### Titi Belian

Projek pembinaan titi dari kayu belian bagi menghubungkan kawasan perumahan ke jalan raya serta kemudahan lain sebagai usaha untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat setempat. Jadual di bawah menunjukkan status projek pada tahun 2011.

Bil	DBKU	Panjang (Meter)	Jadual Pelaksanaan	
			Pembinaan	Tarikh Siap
1.	Kg. Semariang Pinggir	245	Ogos 2011	Okt 2011
2.	Kg. SemariangLama	90	Ogos 2011	Okt 2011
3.	Kg. Selabat	84	Ogos 2011	Okt 2011
4.	Kg. Muara Tebas	260	Sept 2011	Okt 2011

### Kios Penjaja

Program ini bertujuan untuk membantu golongan sasaran yang berdaftar dengan e-Kasih untuk menjalankan perniagaan dan menjana pendapatan melalui pemberian kios. Bagi tahun 2011 sejumlah 210 telah dibangunkan melibatkan kerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan seluruh negara yang telah dikenal pasti.



Kios Penjaja di bawah Projek Program Pembasmian Kemiskinan Bandar

### Terminal Sejahtera

Program ini bertujuan untuk mengurangkan jurang pencapaian akademik di kalangan pelajar sekolah golongan B40 di bandar melalui pusat pembelajaran di luar waktu persekolahan yang mempunyai kemudahan **tuisyen online** yang lengkap dengan **komputer dan perisian**, bilik tutorial yang kondusif dan guru-guru yang berpengalaman. Pada tahun 2011, Program Terminal Sejahtera telah dibangunkan di Taman Seri Sentosa, Kuala Lumpur dan akan diteruskan pada tahun 2012.



Perasmian Terminal Sejahtera Taman Seri Sentosa, Kuala Lumpur

## PROGRAM DAN AKTIVITI PEMBANGUNAN SOSIAL

### Skim Pembiayaan Khas Penjualan Rumah Program Perumahan Rakyat Majlis Tindakan Ekonomi Negara (PPR MTEN) dan Perumahan Awam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (PA DBKL):

Kerajaan melancarkan Skim Pembiayaan Khas Penjualan Rumah PPR MTEN dan Perumahan Awam DBKL bertujuan untuk membantu penyewa sedia ada yang **mampu** dan **sanggup** untuk membeli rumah yang ditawarkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tetapi berhadapan dengan masalah pinjaman dengan institusi kewangan.

Sehubungan itu, pihak Kementerian dengan kerjasama Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) telah merangka strategi untuk mewujudkan satu skim pembiayaan khusus untuk membantu penyewa-penyewa berkenaan mendapatkan pembiayaan untuk membeli rumah yang ditawarkan. Bagi membiayai skim tersebut YWP telah mengikat kerjasama dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk mewujudkan satu dana pembiayaan berjumlah RM1.5 bilion dengan kadar keuntungan 5.5% setahun.

### Kajian Sosial Perumahan

Kajian sosial ini diadakan berikutan daripada keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 27 April 2011 yang mengarahkan KWPKB menjalankan kajian bagi mengenal pasti langkah-langkah bersesuaian bagi membantu golongan penyewa yang tidak mampu membeli unit kediaman berkenaan. Jemaah Menteri berpandangan sekiranya mereka terus menyewa, dikhawatiri kelak mereka akan menghadapi masalah kewangan dan tidak mampu membayar sewa dan caj penyelenggaraan. Kutipan caj penyelenggaraan yang tidak mencukupi akan menjejaskan kerja-kerja penyelenggaraan bangunan dan akhirnya kawasan berkenaan menjadi 'slums'. Ini akan membebankan Kerajaan apabila terpaksa menanggung kos penyelenggaraan bangunan tersebut di masa akan datang.

Antara mekanisme yang telah digunakan untuk menghasilkan kajian tersebut adalah kerja lapangan dalam bentuk bancian rumah ke rumah di semua 37 kawasan perumahan yang sedang dijual. Bancian tersebut telah diadakan dari 17 November hingga 20 November 2011 yang melibatkan sejumlah 3,520 responden.



Majlis Perasmian Pelancaran MPKB

## Majlis Perwakilan Kesejahteraan Bandar (MPKB) Wilayah Persekutuan

MPKB diwujudkan secara pentadbiran dan bergerak sebagai satu entiti yang dianggotai oleh masyarakat setempat bagi mendukung dan memantau pelaksanaan program-program kemasyarakatan dan modal insan yang dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di samping dapat menangani isu-isu perbandaran dan penyampaian perkhidmatan secara berterusan di dalam kawasan pentadbiran Wilayah Persekutuan. Majlis ini juga turut berperanan dalam menentukan keperluan penduduk setempat dalam aspek pembangunan, kesejahteraan dan kelangsungan kehidupan di bandar.



## Program Gerakan Tumpuan (PGT), Taman Wilayah Selayang, Jinjang

Program Gerakan Tumpuan (PGT) adalah satu program yang menitikberatkan jalinan kerjasama bersepadu di antara agensi-agensi Kerajaan dengan penduduk setempat di kawasan-kawasan seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Matlamat penganjuran PGT adalah untuk menangani masalah jenayah dan sosial secara bersepadu dan komprehensif di kawasan-kawasan terpilih di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur melalui penganjuran program oleh Agensi dan Jabatan Kerajaan serta badan bukan Kerajaan (NGO) untuk manfaat penduduk setempat dalam tempoh satu tahun dari pelancaran PGT di kawasan berkenaan.

Pada tahun 2011, PGT telah diadakan di Taman Wilayah Selayang, Jinjang. Pemilihan kawasan Taman Wilayah Selayang sebagai lokasi PGT adalah kerana kawasan tersebut telah dikenal pasti sebagai kawasan yang mempunyai masalah jenayah dan sosial yang berpunca dari kebanjiran warga asing berbangsa Myanmar yang memegang pas perlindungan pelarian dari UNHCR (*United Nations High Commissioner for Refugee*) iaitu satu badan di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).



Program PGT di Taman Wilayah Selayang, Jinjang

## PROGRAM DAN AKTIVITI PEMBANGUNAN EKONOMI

### Program Pembangunan Semula Kampong Bharu

Program Pembangunan Semula Kampong Bharu telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri melalui sesi lawatannya ke Kampong Bharu pada 6 Februari 2010 bagi memaksimumkan potensi pembangunan seiring dengan kepesatan pembangunan kawasan sekitarnya dan seterusnya dapat menjana pertumbuhan ekonomi orang Melayu di Kuala Lumpur. Pelaksanaan program ini adalah selari dengan hasrat Kerajaan dalam Rancangan Malaysia ke Sepuluh (RMK-10) iaitu meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam ekonomi dengan memperluas dan mempertingkatkan kekayaan Bumiputera bagi memastikan pemilikan secara kekal dan berterusan. Melalui inisiatif ini, usaha yang bersepadu akan diambil bagi mempertingkatkan nilai aset Bumiputera dalam bandar raya seperti di Kampong Bharu terutamanya dalam sektor hartanah dan pelaburan. Sehubungan ini, beberapa aktiviti dan program telah diadakan khususnya bagi menjelaskan

kepada pemilik dan pewaris tanah Kampong Bharu mengenai hasrat Kerajaan ini.

### Sesi Penerangan kepada pemilik dan pewaris tanah di Dewan Sekolah Rendah Agama, Jalan Raja Muda Musa , Kampong Bharu

Beberapa siri sesi penerangan kepada pemilik dan pewaris tanah Kampong Bharu telah diadakan di sepanjang tahun 2011 sebagai lanjutan daripada siri-siri penerangan yang telah diadakan pada tahun sebelumnya. Sesi penerangan ini diadakan bagi memperjelaskan kepada pemilik dan pewaris tanah mengenai cadangan pembangunan semula Kampong Bharu serta mendapatkan maklum balas daripada mereka. Melalui sesi penerangan yang diadakan pada 11 Februari 2011, Kementerian telah menerima maklum balas yang memberangsangkan di mana berdasarkan sesi tersebut, pihak Kementerian telah bersetuju untuk meminda beberapa fasal dalam Rang Undang-Undang Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu yang telah dibentangkan untuk bacaan kali pertama di Parlimen pada 24 Disember 2010.



Sesi perjumpaan dan perbincangan bersama penduduk Kampong Bharu



Sesi perjumpaan dan perbincangan bersama penduduk Kampong Bharu

### Sesi-sesi perjumpaan/perbincangan bersama NGO, *Wise Men* dan *Government Linked Companies* mengenai cadangan pembangunan semula Kampong Bharu

Beberapa sesi perjumpaan antaranya pada 1 Mac, 15 Ogos dan 19 Oktober 2011 bagi membincang serta mendapatkan maklum balas berhubung cadangan pihak Kerajaan untuk membangunkan Kampong Bharu dengan melibatkan wakil-wakil badan bukan kerajaan yang mewakili suara pemilik dan pewaris tanah Kampong Bharu dan tokoh-tokoh anak tempatan Kampong Bharu. Terdapat tiga (3) NGO utama di Kampong Bharu iaitu Lembaga Pentadbiran 'Malay Agricultural Settlement (MAS)', Persatuan Anak-anak Kampong Bharu (PAKAM) dan Persatuan Pembangunan Kampong Bharu (PPKB).

### Pembentangan Rang Undang-Undang Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu di Parlimen

Rang Undang-Undang Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu 2011 yang merupakan Rang Undang-Undang pertama diwujudkan di bawah KWPKB telah dibentangkan untuk bacaan kali Pertama dan Kedua serta diluluskan pada 5 Oktober 2011 di Dewan Rakyat dan 7 Disember 2011 di Dewan Negara. RUU berkenaan telah diperkenankan oleh Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong pada 25 Disember 2011. Akta tersebut dikenali sebagai **Akta Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu 2011 [Akta 733]**. Antara lain perkara yang ditekankan dalam Akta tersebut adalah mengenai fungsi dan kuasa Perbadanan serta keanggotaan Perbadanan dan peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi oleh Perbadanan dalam menjalankan fungsinya.



Sesi perbincangan bersama NGO, *Wise Men* dan *Government Linked Companies* mengenai cadangan pembangunan semula Kampong Bharu

## Dasar dan Majlis Penjaja dan Peniaga Kecil Wilayah Persekutuan

Pada tahun 2011, tumpuan diberikan ke arah merealisasikan pelaksanaan **Dasar dan Majlis Penjaja dan Peniaga Kecil Wilayah Persekutuan**. Dasar Penjaja dan Peniaga Kecil Wilayah Persekutuan yang dirangka semenjak tahun 2006 telah dilancarkan oleh YB Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan

Bandar pada 26 Julai 2011. Dengan mengambil kira peranan dan kepentingan penjaja dan peniaga kecil sebagai agen ekonomi dalam sistem pengagihan barangan dan perkhidmatan kepada pengguna, dasar ini dibentuk sebagai asas panduan mengenai perancangan, pembangunan, pengurusan dan pengawalan komprehensif bagi sektor penjaja dan peniaga kecil Wilayah Persekutuan.



Majlis Penjaja dan Peniaga Kecil Wilayah Persekutuan

## Program Penswastaan

Pelaksanaan projek-projek pembangunan yang melibatkan kerjasama di antara Kerajaan dan sektor swasta dilihat dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi Negara amnya dan Wilayah Persekutuan khususnya. Ini kerana penglibatan sektor swasta melalui konsep perkongsian awam swasta (*Public Private Partnership* - PPP) dapat membantu mengurangkan beban perbelanjaan Kerajaan di samping meningkatkan taraf ekonomi penduduk melalui penyediaan lebih banyak infrastruktur dan peluang perniagaan berskala besar.

Pada tahun 2011, Kementerian Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB) telah meneliti dan mempertimbangkan beberapa cadangan projek penswastaan yang memberikan faedah dan manfaat yang optimum kepada masyarakat sekali gus

menjana pertumbuhan fizikal dan ekonomi di Wilayah Persekutuan.

Pada tahun 2011 pula, KWPKB telah menumpukan kepada projek-projek pembangunan semula bandar atau *Urban Redevelopment* terutama di kawasan-kawasan *slum*, usang dan lama bagi meningkatkan kualiti hidup penduduk di kawasan bandar kepada persekitaran yang lebih indah, bersih, selesa dan selamat dalam konteks kesejahteraan bandar secara holistik. Projek pembangunan semula bandar yang sedang dalam proses penelitian adalah Cadangan Pembangunan Semula Di Atas Tapak Pangsapuri dan Rumah Kos Rendah Sri Johor, Sri Pulau Pinang, Sri Melaka dan Taman Ikan Emas Di Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur. KWPKB berperanan untuk mendekati penduduk yang terlibat dengan cadangan pembangunan ini dan mengadakan sembilan (9) siri sesi penerangan kepada penduduk.



Majlis Penerangan Bersama Warga Perumahan Taman Ikan Emas Bagi Cadangan Pembangunan Semula Di Atas Tapak Rumah Kos Rendah Taman Ikan Emas



Sesi perjumpaan dan perbincangan bersama penduduk Taman Ikan Emas



**BAHAGIAN PERANCANGAN DASAR**

Bahagian ini bertanggungjawab untuk menggubal dasar-dasar pembangunan, sosial, fizikal dan keselamatan serta turut bertanggungjawab untuk menyelaras program *Economic Transformation Programme* (ETP) seperti *Greater Kuala Lumpur/Klang Valley* (*Greater KL/KV*). Di samping itu, Bahagian ini turut berperanan untuk menyelaras serta merancang pembangunan semula bandar bagi kawasan-kawasan *slum*, *brownfield*, dan *infill* yang berpotensi untuk dimajukan.

## PROGRAM TAHUN 2011

### *Greater Kuala Lumpur / Klang Valley*

Melalui program di bawah *Government Transformation Programme* (GTP) dan *Economic Transformation Programme* (ETP), Kerajaan telah menggariskan pelbagai rancangan untuk memacu pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan taraf hidup serta kesejahteraan rakyat. Program *Greater Kuala Lumpur/Klang Valley* (*Greater KL/KV*) adalah salah satu inisiatif di bawah *Economic Transformation Programme* (ETP). Matlamat inisiatif ini adalah untuk menjadikan Kuala Lumpur dan Lembah Klang sebagai satu metropolis bertaraf dunia dengan sasaran sebagai *Top 20 Livable City* pada tahun 2020.

- **Taklimat kepada para kontraktor berhubung projek di bawah NKEA *Greater Kuala Lumpur/Klang Valley***

Taklimat kepada para kontraktor berhubung projek di bawah NKEA *Greater Kuala Lumpur/Klang Valley* telah diadakan pada 25 Julai 2011 di Dewan Serbaguna, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar yang bertujuan untuk memberi penerangan lanjut

kepada para kontraktor yang berminat untuk menyertai projek-projek di bawah inisiatif *Greater KL/KV*. Sesi taklimat telah disempurnakan oleh YB Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar yang turut dihadiri seramai 750 orang yang terdiri daripada kontraktor dan juga wakil-wakil daripada Kementerian, Jabatan serta Agensi yang berkaitan.

- **Lawatan Tapak Projek *River Of Life (RoL)* Di Bawah NKEA *Greater Kuala Lumpur/Klang Valley***

Program lawatan yang diketuai oleh YB Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar ke tapak Projek *River of Life (RoL)* di bawah NKEA *Greater Kuala Lumpur/Klang Valley* (*Greater KL/KV*) telah diadakan pada 20 Disember 2011. Lawatan ini turut disertai oleh YB Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, YB Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Empat (4) lokasi tapak projek yang dilawati adalah seperti *Benteng Retention Pond*, *Communal Grease Trap*, *Bonus Treatment Plant* dan Masjid Jamek.



Lawatan Tapak Projek *River Of Life (RoL)* Di Bawah NKEA *Greater Kuala Lumpur/Klang Valley*



Lawatan Tapak Projek *River Of Life (RoL)* Di Bawah NKEA *Greater Kuala Lumpur/Klang Valley*

- **Pembinaan Laman Web *Greater Kuala Lumpur / Klang Valley***

Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB) dengan kerjasama pihak *Performance and Management Delivery Unit (PEMANDU)* di Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah berjaya mewujudkan satu laman web khas *Greater KL/KV* di KWPKB bagi menyalurkan informasi terkini mengenai *Greater KL/KV* dan projek-projek yang ditawarkan. Pembangunan laman web berbentuk informatif yang menyalurkan maklumat berkaitan *Greater KL/KV* ini akan menjadi sebahagian daripada Portal KWPKB. Di samping itu, laman web ini juga direka supaya dapat menghubungkan pengguna kepada laman web Agensi yang bertanggungjawab terhadap setiap EPP (*EPP owners*).

- **Pembangunan *Greater Kuala Lumpur/Klang Valley Tender Alert System (G-TAS)***

*Greater Kuala Lumpur/ Klang Valley Tender Alert System (G-TAS)* merupakan sistem yang dibangunkan bagi memaklumkan kepada kontraktor-kontraktor yang berminat tentang tender-tender yang akan dikeluarkan di bawah *Greater KL/KV*. G-TAS akan bertindak sebagai pengendali maklumat *Greater Kuala Lumpur/ Klang Valley* bagi memastikan kontraktor-kontraktor termasuk kontraktor Bumiputera memperoleh maklumat berkaitan projek-projek di bawah *Greater Kuala Lumpur/Klang Valley* dan setiap tender dikeluarkan oleh setiap EPP adalah telus dan memberi peluang kepada mana-mana kontraktor yang berminat untuk terlibat sama.



Pelancaran *Greater Kuala Lumpur / Klang Valley Tender Alert System (G-TAS)*

- **Pertandingan Reka Bentuk *Count Down Clock 2020***

Pertandingan reka bentuk *Count Down Clock 2020* telah dianjurkan oleh Pertubuhan Aitek Malaysia (PAM) dengan kerjasama KWPKB bermula pada 1 Julai 2011 dan berakhir pada 23 Ogos 2011. Pertandingan ini dibahagikan kepada dua (2) kategori iaitu Profesional dan Terbuka serta Hadiah Khas Juri adalah dibiayai oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar. Struktur *Count Down Clock 2020* akan menjadi satu simbol yang *iconic* dan aspirasi kepada rakyat Malaysia untuk mencapai taraf negara maju yang berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.



Pemenang tempat pertama Pertandingan Reka Bentuk *Count Down Clock 2020*



Sesi Senamrobik Sebelum Program Gotong-royong Di Bukit Bintang

## PROGRAM LOCAL AGENDA 21

- **Program Gotong-royong Bukit Bintang**

Bertemakan “*Jom Bersih Bukit Bintang*” program ini telah diadakan pada 12 November 2011 yang turut melibatkan pihak pengusaha hotel di kawasan Bukit Bintang. Pelancaran program ini telah disempurnakan oleh YB. Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar. Program ini diadakan bertujuan memberikan kesedaran kepada orang ramai mengenai kepentingan untuk menjaga alam sekitar dan menggalakkan penyertaan orang ramai dalam pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.



Program Gotong-royong Bukit Bintang

- **Bengkel Pelaksanaan Pelan Tindakan Local Agenda 21 Wilayah Persekutuan**

Bengkel ini telah diadakan pada 23 hingga 24 November 2011 di Hotel de Palma, Kuala Selangor. Seramai 45 orang peserta bengkel yang terdiri daripada agensi di bawah KWPKB, Kementerian, NGO dan pihak swasta dijemput hadir bagi membincangkan pelan tindakan yang perlu disediakan untuk Wilayah Persekutuan.

- **Persidangan Kebangsaan Local Agenda 21**

Persidangan ini diadakan dengan kerjasama antara DBKL, KWPKB dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Persidangan dihadiri oleh hampir 500 peserta daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Agensi Kerajaan, NGO, pihak swasta dan wakil-wakil dari Persatuan Penduduk. Sejumlah 18 kertas kerja telah dibentangkan pada persidangan yang berlangsung selama dua (2) hari bermula dari 10 hingga 11 Disember 2011.



**BAHAGIAN PEMBANGUNAN STRATEGIK**

Bahagian ini bertanggungjawab dalam memberi khidmat nasihat serta kepakaran teknikal berkaitan perancangan bandar, kejuruteraan dan seni bina. Di samping itu, Bahagian ini juga turut memainkan peranannya dalam menyelaras penyediaan kajian penyelidikan dan perancangan strategik di Wilayah Persekutuan.

### PENGGUBALAN DASAR BARU

1. Perluasan Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia ke Rumah Kos Sederhana Rendah Swasta Dengan Kaedah Pembiayaan 60:40; dan
2. Penambahbaikan Asas Rujukan Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia Rumah Kos Rendah Swasta dan Rumah Kos Sederhana Rendah Swasta.

### PENCAPAIAN TAHUN 2011

1. Laporan Petunjuk Bandar Sejahtera Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan tahun 2010.
2. Laporan Eksekutif Petunjuk Bandar Sejahtera Bagi Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan tahun 2010.

### PROGRAM TAHUN 2011

#### Program Penanaman Pokok Serentak Peringkat Wilayah Persekutuan 2011

Pelancaran Program Penanaman Pokok Secara Serentak Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya telah diadakan pada 16 April 2011 (Sabtu) jam 8.30 pagi di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan. Program tersebut juga telah melibatkan komuniti, persatuan penduduk, rukun tetangga, pelajar sekolah, NGO, pihak media dan sebagainya bagi mendapatkan sokongan dan memberi kesedaran mengenai kepentingan penanaman dan pemeliharaan pokok untuk mengekalkan penghijauan.



Majlis Program Penanaman Pokok Serentak Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur



Jenis pokok yang ditanam adalah daripada jenis pokok teduhan seperti Pulai, merawan siput jantan, tembusu, penaga lilin, jelutong, bunga tanjung, cempaka putih dan jenis spesies pokok hutan seperti seraya, giam, resak laru, manggis hutan serta jenis spesies pokok bakau.

Majlis Program Penanaman Pokok Serentak Peringkat Wilayah Persekutuan di Kuala Lumpur telah disempurnakan oleh YB. Dato' Raja Nong Chik Bin Dato' Raja Zainal Abidin Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar iaitu di Taman Seri Sentosa yang melibatkan 200 pokok yang ditanam. Bilangan keseluruhan pokok yang ditanam secara serentak di 51 lokasi tersebut adalah sebanyak 10,000 pokok yang terdiri daripada jenis spesies pokok teduhan.



Majlis Program Penanaman Pokok Serentak Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Bagi peringkat Labuan, majlis telah disempurnakan oleh YB. Dato' Hj. Yussof Bin Mahal, Ahli Parlimen Labuan di kawasan Paya Bakau Kina Benuwa. Jumlah pokok yang ditanam semasa pelancaran program tersebut adalah sebanyak 5,000 pokok yang terdiri daripada jenis spesies bakau.



Majlis Program Penanaman Pokok Serentak Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan

Manakala di peringkat Putrajaya, majlis telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Muhamad Haitamin Bin Ishak, Pengarah Perkhidmatan Korporat, Perbadanan Putrajaya di Taman Rimba Alam, Presint 15 Putrajaya. Bilangan pokok yang ditanam semasa pelancaran program tersebut adalah sebanyak 100 pokok yang terdiri daripada jenis spesies pokok hutan.



Majlis Program Penanaman Pokok Serentak Peringkat Wilayah Persekutuan Putrajaya



**Majlis Pelancaran Perluasan Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP-1Malaysia)**

Berdasarkan maklum balas positif yang diterima di atas kewujudan program TP-1Malaysia untuk perumahan kos rendah swasta di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan di atas keprihatinan Kerajaan telah bersetuju untuk mengembangkan lagi pelaksanaan TP-1Malaysia ke kawasan rumah kos sederhana rendah swasta di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. KWPKB sebagai penganjur kepada program ini telah mengadakan majlis perluasan tersebut pada **29 Mei 2011** bertempat di Taman Pantai Indah Fasa 1, di mana kawasan ini merupakan di antara perintis kepada pelaksanaan projek TP-1Malaysia. Majlis ini telah dirasmikan oleh YB Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar dengan dihadiri lebih 300 orang jemputan dari Persatuan Penduduk dan penduduk di sekitar Lembah Pantai.



### Sesi Penerangan Perluasan TP-1Malaysia Ke Rumah Kos Sederhana Rendah Swasta

Lanjutan daripada Majlis Perluasan TP-1Malaysia pada 29 Mei 2011, satu Sesi Penerangan kepada Badan Pengurusan Bersama (JMB)/Pengurusan Perbadanan (MC)/ Persatuan Penduduk rumah kos sederhana rendah swasta berkenaan mekanisme pelaksanaan TP-1Malaysia telah diadakan pada **8 Julai 2011**. Wakil daripada 47 kawasan rumah kos sederhana rendah swasta telah menghadiri Sesi Penerangan ini yang diadakan di Auditorium KWPKB.





Lawatan Kerja YBhg. Dato' TKSU (PP) Di Taman Pantai Indah Fasa 1, Lembah Pantai

#### Lawatan Kerja YBhg. Dato' TKSU (PP) (Siap Kerja Mengecat) Di Taman Pantai Indah Fasa 1, Lembah Pantai

Projek kerja mengecat di Taman Pantai Indah Fasa 1 telah dimulakan pada bulan Mei 2011 dan disiapkan pada awal bulan Julai 2011. Bagi penutupan dan penyerahan kerja-kerja tersebut, YBhg. Dato' TKSU (PP) telah meluangkan masa untuk bersama-sama

dengan pihak *Management Consultant* (MC) Taman Pantai Indah Fasa 1 pada **29 Julai 2011** di dalam satu majlis di Dewan Serbaguna Taman Pantai Indah Fasa 1, Lembah Pantai. Majlis ini dihadiri oleh ahli-ahli MC Taman Pantai Indah Fasa 1, penduduk Taman Pantai Indah Fasa 1, pegawai-pegawai KWPKB dan DBKL serta wakil kontraktor.

#### Majlis Penyempurnaan Kerja Mengecat Di Bawah Program TP-1Malaysia Di Flat Taman Mulia, Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur

Di bawah program TP-1Malaysia, projek kerja mengecat dan baik pulih di Flat Taman Mulia Blok A, B dan G, merupakan di antara projek terawal yang telah berjaya dilaksanakan. Di atas kesungguhan pihak Persatuan Penduduk Flat Taman Mulia dan kerjasama daripada penghuni, projek yang menelan belanja sebanyak RM399,380.00 ini dapat dilaksanakan dengan sempurna dan disiapkan di dalam tempoh 10 minggu. Justeru itu, satu majlis penyempurnaan kerja mengecat di Flat Taman Mulia telah diadakan pada **13 Disember 2011** oleh YB Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar.



## Pemantauan Kerja-Kerja Menaik taraf Pudu Sentral

Objektif menaiktaraf Pudu Sentral adalah untuk memberi wajah baru serta meningkatkan tahap kemudahan di Hentian ini yang telah berusia melebihi 35 tahun. Inisiatif menaik taraf Pudu Sentral adalah hasil dari beberapa siri lawatan YAB Perdana Menteri pada tahun 2009. Projek menaik taraf Pudu Sentral ini telah bermula pada 24 Ogos 2009 dan dibuka semula kepada orang ramai pada 16 April 2011. Majlis perasmian pembukaan Pudu Sentral pula telah dilakukan pada 27 Ogos 2011 oleh YAB Perdana Menteri. Semasa majlis pelancaran tersebut, Hentian Puduraya telah diberikan nama baru sebagai Pudu Sentral.



Pemantauan kerja-kerja menaik taraf Pudu Sentral oleh YAB Perdana Menteri dan YB Menteri WPKB

## Petunjuk Bandar Sejahtera (MURNInet)

Sebagai Kementerian yang bertanggungjawab dalam urusan kemajuan dan pembangunan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan, adalah menjadi sasaran utama Kementerian untuk melaksanakan program MURNInet bagi menilai kemampuan Bandar Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan menerusi indikator pengukuran yang sedia ada dan indikator-indikator baru yang bersesuaian bagi setiap bandar.

Pada tahun 2011, beberapa sesi perbincangan telah dijalankan untuk melihat kemajuan pengumpulan data. Hasil daripada perbincangan dan pengumpulan data telah dibawa dan dibincangkan semasa bengkel yang dilaksanakan di Gambang Resort Kuantan pada 16-18 November 2011. Bengkel bertujuan untuk menyemak semula keperluan indikator yang digunakan di dalam Sistem Petunjuk Bandar Sejahtera. Turut dibincangkan sasaran piawaian dan sumber data bagi setiap indikator yang terdapat di dalam Sistem Petunjuk Bandar Sejahtera.

Bengkel dilaksanakan di dalam tiga (3) kumpulan di mana setiap kumpulan yang diwakili dari Agensi Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya. Kumpulan tersebut akan membincangkan indikator dari segi aspek kesesuaian, sumber data, dan punca-punca kesukaran mendapatkan data dari pihak pembekal data.

Hasil dari perbincangan bengkel akan diselaraskan dan penambahbaikan Sistem Petunjuk Bandar Sejahtera dilakukan berdasarkan *output* yang telah diperolehi dari perbincangan ini.



Bengkel Petunjuk Bandar Sejahtera (MURNInet) di Kuantan



**BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN**


Bahagian Khidmat Pengurusan bertanggungjawab dalam urusan pembangunan sumber manusia; pengurusan kewangan dan mengurus serta melaksanakan urusan pentadbiran am KWPKB. Sehubungan itu, Bahagian ini terdiri daripada Seksyen Pengurusan Kewangan; Seksyen Pengurusan Sumber Manusia dan Seksyen Pentadbiran Am.

## SEKSYEN PENGURUSAN KEWANGAN

Seksyen Pengurusan Kewangan merangkumi tiga (3) unit iaitu Unit Belanjawan dan Pentadbiran Kewangan, Unit Perolehan dan Unit Akaun.

### Prestasi Perbelanjaan Mengurus

Bagi tahun 2011, KWPKB telah diluluskan peruntukan berjumlah RM380,141,100.00. D daripada jumlah tersebut, KWPKB telah membelanjakan sebanyak **98.54%**, iaitu sejumlah RM374,580,202.00 berbanding jumlah peruntukan yang telah diluluskan. Peratus perbelanjaan ini meningkat sebanyak 1.64% berbanding peratus perbelanjaan tahun 2010 iaitu sebanyak 96.9%. Pecahan peratusan perbelanjaan 2011 mengikut Objek Am adalah: OA10000 (Gaji) sebanyak 96.95%, OA20000 (Perkhidmatan dan Bekalan) sebanyak 94.58%, OA30000 (Aset) sebanyak 87.95% dan OA40000 (Pemberian dan Kenaan Tetap) sebanyak 99.95%.



### Pentadbiran Kewangan

Hala tuju pentadbiran kewangan di KWPKB ialah untuk sentiasa mengamalkan pelaksanaan perbelanjaan berhemat. Sepanjang tahun 2011, kawalan perbelanjaan telah dilaksanakan dengan mengambil beberapa langkah penjimatan antaranya penjimatan penggunaan utiliti elektrik dan air. Di samping itu, penjimatan juga dibuat melalui kaedah panggilan mesyuarat dan edaran minit mesyuarat melalui e-mel dan ini telah menjimatkan penggunaan kertas dan toner.

### Pelaksanaan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA)



Sepanjang tahun 2011, sebanyak lapan (8) mesyuarat JPKA telah dilaksanakan di mana empat (4) mesyuarat adalah di peringkat Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Kesejahteraan Bandar dan Pengurusan). Manakala empat (4) mesyuarat JPKA di peringkat Kementerian yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha. Kesemua mesyuarat dilaksanakan sepertimana ditetapkan mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 10 Tahun 2008.

### Pelaksanaan Mesyuarat-mesyuarat Perolehan di KWPKB

Sebanyak 45 siri mesyuarat perolehan telah dilaksanakan sepanjang tahun 2011 iaitu Mesyuarat Lembaga Perolehan A (13 kali); Mesyuarat Lembaga Perolehan B (18 Kali); dan Mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga (14 kali).

## Nilai Perolehan Tender Dan Sebut Harga KWPKB

Nilai perolehan tender dan sebut harga KWPKB dan agensi yang menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan yang melibatkan belanja mengurus dan pembangunan bagi tahun 2011 adalah sebanyak RM400,485,828.41. Secara perbandingan nilai perolehan tender dan sebut harga KWPKB dan agensi bagi tahun 2009 sehingga tahun 2011 adalah seperti jadual di bawah:






### Pengiktirafan

Sempena Majlis Sambutan ePerolehan 10 Tahun anjuran Kementerian Kewangan Malaysia pada 17 Januari 2011 bertempat di Hotel Marriott, Putrajaya, KWPKB telah memenangi Anugerah Apresiasi ePerolehan 10 Tahun. Dengan kemenangan tersebut, Kementerian telah dianugerahkan sijil pengiktirafan serta wang tunai sebanyak RM3,000.00.

### Prestasi Pembayaran Bil

Prestasi Pencapaian Pembayaran Bil Tahun 2011 bagi KWPKB dalam tempoh 14 hari adalah sebanyak 99.22%. Manakala prestasi pencapaian pembayaran bil bagi tempoh 7 hari adalah 51.07%. Laporan dan carta prestasi pencapaian pembayaran bil mengikut tempoh 7 hari, 14 hari dan melebihi 14 hari adalah seperti jadual di bawah.



## SEKSYEN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Seksyen Pengurusan Sumber Manusia (PSM) mempunyai lima (5) unit iaitu Unit Perkhidmatan, Pengurusan Prestasi & Tatatertib, Unit Pembangunan Organisasi, Kompetensi dan HRMIS, Unit Darjah Kebesaran & Fungsi Khas dan Unit Pengurusan Psikologi. Seksyen PSM berperanan mewujudkan **pengurusan sumber manusia yang strategik** dan melahirkan **modal insan Kementerian** yang *multi-talents*, memiliki gabungan kemahiran yang sesuai, profesional, berprestasi tinggi, mengamalkan sikap dan perilaku yang luhur serta cara hidup seimbang berteraskan prinsip *God-Centric* bagi menyokong pencapaian visi, misi dan objektif strategik KWPKB.

### Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2010

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) adalah acara tahunan KWPKB bersama Agensi bagi memberi pengiktirafan kepada pegawai-pegawai di Kementerian dan Agensi yang telah mempamerkan prestasi yang cemerlang dalam melaksanakan tugas selain berjaya mencapai Sasaran Kerja tahunan (SKT) yang telah ditetapkan oleh bahagian/ seksyen/ unit yang berkaitan. Majlis APC bagi tahun 2010 telah diadakan pada 31 Mei 2011 bertempat di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur. Seramai 965 pegawai dan kakitangan KWPKB dan agensi-agensi telah dianugerahkan APC di mana 26 orang daripada jumlah penerima adalah daripada KWPKB.





### Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan

Majlis Bersama Jabatan (MBJ) merupakan saluran bagi pihak pekerja untuk berkomunikasi dengan pihak pengurusan dalam menyuarakan pendapat, pandangan serta menyumbang idea demi kepentingan dan kebaikan organisasi. Mesyuarat MBJ KWPKB telah diadakan sebanyak empat (4) kali pada tahun 2011 iaitu 24 Mac, 24 Jun, 27 September dan 9 Disember 2011 selaras dengan ketetapan Pekeliling Perkhidmatan Awam Bil. 2 Tahun 1992.

### Minggu Pengemaskinian Buku Rekod Perkhidmatan dan HRMIS

Seksyen PSM telah mengadakan Minggu Pengemaskinian Buku Rekod Perkhidmatan dan HRMIS pada setiap tahun bermula tahun 2009. Program ini merupakan inisiatif pihak Seksyen PSM untuk memberi peluang kepada pegawai-pegawai KWPKB untuk menyemak Buku Rekod Perkhidmatan bagi memastikan maklumat peribadi dan perkhidmatan pegawai lengkap, teratur dan dikemaskini. Pelaksanaan program ini secara berterusan adalah sangat penting dalam meningkatkan integriti maklumat pegawai dan memastikan proses pengemaskinian dijalankan secara berterusan. Minggu

pengemaskinian Buku Rekod Perkhidmatan dan HRMIS bagi tahun 2011 telah diadakan sebanyak satu kali.

### Taklimat mengenai LNPT

Taklimat mengenai LNPT telah diadakan pada 22 November 2011 bertempat di Dewan Serbaguna, Blok 1, Menara Seri Wilayah. Taklimat telah disampaikan dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Awam. Semua kakitangan KWPKB telah dijemput menghadiri taklimat ini bagi mendapatkan maklumat dan gambaran yang jelas mengenai kaedah penilaian yang tepat untuk menilai prestasi setiap penjawat awam.

### Naziran Pengurusan Tatatertib

Satu sesi Naziran Pengurusan Tatatertib yang dilaksanakan oleh pihak JPA telah diadakan di KWPKB pada 11 Ogos 2011. Objektif utama pelaksanaan naziran tersebut adalah untuk memastikan proses pengurusan tatatertib mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan dan selaras dengan pekeliling yang sedang berkuatkuasa. Keputusan naziran tersebut menunjukkan pengurusan tatatertib Kementerian adalah berada di tahap yang memuaskan.

## Kenaikan Pangkat Kumpulan Sokongan I dan II


Seksyen PSM sentiasa mengemas kini data pegawai-pegawai KWPKB bagi memastikan setiap rekod adalah terkini. Pengemaskinian rekod-rekod pegawai adalah penting terutama bagi urusan kenaikan pangkat. KWPKB telah melaksanakan urusan kenaikan pangkat pegawai Sokongan I dan II pada tahun 2011 mengikut pecahan berikut:

Jawatan	Gred Hakiki	Gred Naik Pangkat	Tarikh Naik Pangkat	Bilangan Pegawai
Penolong Pegawai Belia & Sukan	S27	S32	1 Januari 2011	2
Pemandu Kenderaan	R3	R6	29 Jun 2011	1
Pemandu Kenderaan	R3	R6 (KUP)	1 Januari 2011	1
Penghantar Notis	N3	N12 (KUP)	1 Julai 2009	3
Pembantu Am Pejabat	N1	N4	1 Mac 2009	1
Pembantu Am Pejabat	N1	N4	29 Jun 2011	1
Pembantu Am Pejabat	N1	N4 (KUP)	1 Januari 2011	9
Pembantu Am Pejabat	N1	N4 (KUP)	1 Januari 2011	1
Operator Mesin Penyalin	N13	N4 (KUP)	1 Januari 2011	1
Penarik Rantai	R1	R4 (KUP)	1 Januari 2011	1

## Program Latihan

Pada tahun 2011, 93% warga Kementerian telah mencapai sasaran menghadiri kursus tujuh (7) hari dan lebih melibatkan perbelanjaan berjumlah RM885,000 atau 5.64% daripada jumlah keseluruhan emolumen tahun 2011. Antara kursus yang dianjurkan adalah Pengurusan Dokumen, Fail dan Rekod Kerajaan, Pengurusan Aset, Pengurusan Kewangan, Kemahiran Komunikasi dan Interpersonal, Budaya Kreatif dan Inovatif, Pengurusan Konflik dan Stres, Kepimpinan (*Leadership*), Penguasaan Bahasa Inggeris, *Team Building*, Kecemerlangan Jati Diri dan Kerjaya, Penerapan Integriti, dan Pengurusan Mesyuarat, Minit Mesyuarat, Keurusetiaan Mesyuarat dan Laporan Maklum Balas. Perbandingan peratus kehadiran latihan/kursus bagi tahun 2010 dan 2011 seperti jadual di sebelah.

Dalam usaha untuk memberikan peluang menimba pengalaman dan pendedahan tentang kepakaran, pengetahuan dan *best practices* negara luar, KWPKB turut menghantar pegawai-pegawai untuk menyertai kursus-kursus luar negara. Seramai 19 pegawai telah dihantar menyertai 11 kursus-kursus luar negara pada tahun 2011 antaranya *The MEF Roundtable Series On Sustainability-Future: Urban Mobility* di Madrid, Paris dan London; *Asia Geospatial Forum* di Jakarta,



Indonesia; *3<sup>rd</sup> Program for Advanced Leadership And Management* di Madinah, Arab Saudi; *International Conference On Computer Engineering And Applications* di Haikou, China; Persidangan *Modern Railways* di Bangkok, Thailand; dan *The Waterfronts Centre's 29th Annual Inter National Conference* di New York, Boston & Pittsburgh, Amerika Syarikat.

## Pengurusan Psikologi

Unit Pengurusan Psikologi bertanggungjawab melaksanakan dasar Perkhidmatan Psikologi dan Pengurusan Sumber Manusia bagi membangunkan pegawai-pegawai di Kementerian yang berintegriti dan berprestasi tinggi dengan mengaplikasikan penyediaan psikologi dalam aspek penilaian personel, pembangunan personel, penyelidikan psikologi, dan intervensi melalui program-program psikologi dan kaunseling. Antara program yang telah dilaksanakan pada tahun 2011 adalah seperti **6 Ujian Psikologi; Program Wacana Minda 5 Siri; Program Pembangunan Kendiri; Penyelidikan berkenaan Aplikasi Psikologi Kaunseling secara Analisis; Program Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB); dan Program Pementoran peringkat Kementerian.**



Program Wacana Minda 5 Siri Tahun 2011



Program Peningkatan Kemahiran Kaunseling (PPKK) Tahap I & II Tahun 2011



Program Sukarelawan Akrab Siri 1 & 2 Tahun 2011

## Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan

Pada tahun 2011, Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan (DKBPWP) telah mendapat perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Tuanku Mizan Zainal Abidin dan istiadatnya telah berlangsung di Istana Melawati, Putrajaya pada 1 Februari 2011.

Penganugerahan DKBPWP yang bermula pada tahun 2008 adalah bagi menghargai dan mengiktiraf

sumbangan warga Wilayah Persekutuan yang banyak berjasa membangunkan wilayah ini, termasuk mereka yang bukan bermastautin tetapi turut memberi sumbangan dan khidmat yang cemerlang dan terbilang untuk Wilayah Persekutuan. Sempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2011, seramai 256 orang telah menerima Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan. Istiadat pengurniaan disempurnakan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Mizan Zainal Abidin di Balairong Seri Istana Melawati, Putrajaya. Pecahan bilangan penerima mengikut Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan adalah seperti berikut:

(i)	Seri Utama Mahkota Wilayah (S.U.M.W)	: 3 penerima
(ii)	Seri Mahkota Wilayah (S.M.W)	: 3 penerima
(iii)	Panglima Mahkota Wilayah (P.M.W.)	: 35 penerima
(iv)	Johan Mahkota Wilayah (J.M.W.)	: 25 penerima
(v)	Kesateria Mahkota Wilayah (K.M.W.)	: 50 penerima
(vi)	Ahli Mahkota Wilayah (A.M.W.)	: 66 penerima
(vii)	Pingkat Pangkuan Mahkota Wilayah (P.P.W.)	: 74 penerima



Istiadat Darjah Kebesaran Bintang Dan Pingat Wilayah Persekutuan Tahun 2011



## SEKSYEN PENTADBIRAN AM

Seksyen Pentadbiran Am terdiri daripada lima (5) unit iaitu Unit Pentadbiran, Unit Pengurusan Pusat Sumber, Unit Pengurusan Fasiliti, Aset & Stor, Unit Inovasi dan Unit Urusan Jemaah Menteri, Parlimen & Keurusetiaan.

### Pengurusan Pusat Sumber

Sehingga tahun 2011, Pusat Sumber KWPKB mempunyai sebanyak 3,721 naskah koleksi bahan rujukan yang pelbagai dengan tumpuan utama kepada bidang perancangan bandar dan wilayah, pentadbiran tanah, pengangkutan awam dan teknologi maklumat di samping buku-buku berkaitan pengurusan, ekonomi, sains, teknologi, undang-undang dan sebagainya.

### Program Inovasi

- **Pensijilan MS ISO 9001:2008**

Pada 22 November 2011, KWPKB telah dianugerahkan Pensijilan MS ISO 9001:2008 oleh Moody International Sdn. Bhd. dengan akreditasi daripada pihak DSM Malaysia dan UKAS. Pensijilan MS ISO 9001:2008 membuktikan KWPKB mampu melaksanakan budaya kerja cemerlang melalui pensijilan ini. Justeru pada tahun 2012, Kementerian akan memantapkan lagi sistem pengurusan berkualiti bagi memantapkan lagi sistem penyampaian perkhidmatan yang cemerlang.

- **Konvensyen Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (KIK) Perkhidmatan Awam Peringkat Wilayah Persekutuan Tahun 2011**



Penerimaan Sijil MS ISO 9001:2008 oleh YB Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar

Ke arah merealisasikan pemikiran secara kreatif dan inovatif bagi seluruh warga penjawat awam terutamanya warga Kementerian, pelbagai usaha pembudayaan inovasi dan kreativiti dipupuk dan dihayati. Antara program yang menggalakkan pemikiran secara kreatif dan inovatif adalah Konvensyen Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (KIK) Perkhidmatan Awam yang dianjurkan oleh KWPKB pada setiap tahun. Konvensyen pada tahun 2011 telah berlangsung pada 13 dan 14 September 2011 di Putrajaya International Convention Center (PICC). Kedua-dua kumpulan yang mewakili Dewan Bandaraya Kuala Lumpur iaitu Kumpulan Kaizen bagi Kategori Pengurusan dan Kumpulan PnG2 bagi Kategori Teknikal telah menjuarai konvensyen tersebut dengan membawa pulang RM 5,000 dan piala iringan.



Penyampaian Anugerah Pegawai Contoh Bulanan dan Anugerah Pembaca Cemerlang Oleh YBhg. Dato' KSU

- **Hari Inovasi KWPKB 2011**

Sambutan Hari Inovasi pada tahun 2011 dengan tema 'Semarakkan Kualiti Perkasakan Inovasi' telah diadakan pada 23 Disember 2011 bertempat di Dewan Serbaguna Menara Seri Wilayah. Sambutan yang pertama kali yang diadakan ini bertujuan untuk mendedahkan warga Kementerian akan kepentingan inovasi melalui ceramah di samping memberi penghargaan dan pengiktirafan antaranya Anugerah Pegawai Contoh Bulanan dan juga Anugerah Pembaca Cemerlang. Pada majlis tersebut, YBhg. Dato' Haji Ahmad Phesal bin Talib, Ketua Setiausaha KWPKB telah melancarkan Buku Kod Etika dan Nilai KWPKB yang bertujuan untuk memberi panduan kepada warga Kementerian dalam pengukuhan nilai dan membentuk dan melahirkan modal insan yang berketerampilan dan cemerlang.

#### Urusan Jemaah Menteri, Parlimen & Keurusetiaan

Unit Urusan Jemaah Menteri, Parlimen & Keurusetiaan bertanggungjawab untuk menyelaras hal-hal berkaitan Jemaah Menteri dan Parlimen antaranya penyediaan maklum balas Mesyuarat Jemaah Menteri, pembentangan Kertas Jemaah Menteri, Urus setia Mesyuarat Pasca-Kabinet dan Mesyuarat Pengurusan KWPKB, penyediaan jawapan Parlimen, mengurus dokumentasi, pembentangan usul/ rang undang-undang berkaitan KWPKB dan agensi di Parlimen serta menyediakan laporan dan rumusan persidangan Parlimen.

Pada tahun 2011, sebanyak 23 bilangan Mesyuarat Pasca-Kabinet dan 11 bilangan Mesyuarat Pengurusan KWPKB telah diadakan. Di samping itu, sebanyak 24 Kertas Jemaah Menteri telah dibentangkan di Mesyuarat Jemaah Menteri dan 69 laporan maklum balas Mesyuarat Jemaah Menteri telah dikemukakan kepada Bahagian Kabinet, Perlembagaan dan Perhubungan Antara Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri. Manakala bagi urusan Parlimen, jumlah keseluruhan pertanyaan jawab lisan dan bukan jawab lisan bagi Dewan Rakyat dan Dewan Negara adalah sebanyak 102 soalan di mana sebanyak 41 soalan pada Mesyuarat Pertama, 39 soalan pada Mesyuarat Kedua dan 22 soalan pada Mesyuarat Ketiga.



## BAHAGIAN PENGURUSAN PEMBANGUNAN

Bahagian ini berperanan untuk merancang, menyelaraskan dan menyemak penyediaan cadangan permohonan program/projek Projek Rancangan Malaysia Lima Tahun KWPKB dan agensi-agensinya untuk kelulusan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU, JPM). Di samping itu, Bahagian ini turut memantau serta menilai projek-projek kecil KWPKB.

### Projek Pembangunan

Bahagian ini bertanggungjawab untuk melaksanakan pemantauan projek pembangunan Rancangan Lima Tahun yang dijalankan sepanjang RMKe-10 bagi tahun 2011. Antara projek yang dilaksanakan oleh Bahagian ini adalah seperti berikut:

- a. Pelaksanaan dan pemantauan Projek-projek Pembangunan RMKe-10 (peruntukan pembangunan P32);
- b. Lawatan Turun Padang (TUPA) projek pembangunan RMKe-10 bagi YB Menteri dan YBhg. Ketua Setiausaha (KSU);
- c. Kajian Penilaian *Outcome* Projek-Projek Siap;
- d. Mesyuarat Majlis Tindakan Wilayah Persekutuan (MTWP);
- e. Pengemaskinian Sistem Pemantauan Projek II (SPP II);
- f. Lawatan Inspektorat (elemen untuk *Key Performance Indicator* KSU);

- g. Sistem Penarafan Bintang (*Star Rating*) (pemantauan projek pembangunan);
- h. Pelaksanaan Projek-Projek Kecil Wilayah Persekutuan; dan
- i. Penyelarasan serta pemantauan penggunaan Peruntukan Pemberian Khas Kepada Wilayah Persekutuan (B11).

### Projek Pembangunan *Rolling Plan*, RMKe-10

Sebanyak 44 projek dilaksanakan untuk tahun 2011 di bawah RMKe-10 meliputi penglibatan agensi di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB) iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Putrajaya (PPj) dan Perbadanan Labuan (PL). Berdasarkan laporan prestasi perbelanjaan bagi tahun 2011, sehingga 31 Disember 2011, sebanyak RM184,481,946.48 (84%) telah dibelanjakan bagi projek di bawah RMKe-10 daripada peruntukan yang diterima sebanyak RM219,614,810.00.



## Lawatan Turun Padang (TUPA) Projek Pembangunan RMKe-10

Pada Mesyuarat Majlis Tindakan Negara Bil. 2/2009 pada 29 Oktober 2009, YAB Perdana Menteri telah memutuskan supaya setiap YB Menteri untuk turun padang bagi melawat sekurang-kurangnya satu projek setiap bulan dan YBhg KSU melawat tiga (3) projek setiap bulan dengan tumpuan diberikan kepada projek-projek

yang bermasalah dan lewat jadual. Bagi melaksanakan arahan tersebut, penyelarasan telah dilaksanakan bagi memastikan arahan tersebut dipatuhi. Sepanjang tahun 2011 mulai Januari hingga Disember, YB Menteri telah mengadakan lawatan ke projek-projek pembangunan KWPKB sebanyak 13 projek. Manakala sebanyak 33 projek telah dilawati oleh YBhg. Dato' KSU.

Gambar-gambar berkaitan Lawatan TUPA Projek Pembangunan RMKe-10 oleh YB Menteri dan YBhg. Ketua Setiausaha Kementerian.



Lawatan Turun Padang Oleh YB Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar Pada 10 April 2011 di Projek Penempatan Semula Setinggan Kampung Sungai Bangat, Wilayah Persekutuan Labuan



Lawatan Turun Padang YBhg. Dato' KSU Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar Pada 31 Mei 2011 di Taman Botani, Tasik Perdana, Kuala Lumpur

Lawatan Turun Padang YBhg. Dato' KSU Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar Pada 28 dan 29 Disember 2011 di Tapak Pembangunan Pulau Daat dan Projek Pembinaan Pasar Baru, Jalan Bunga Tanjung, Wilayah Persekutuan Labuan



Lawatan Turun Padang Setiausaha Bahagian Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar Pada 14 Julai 2011 di Projek Pembinaan Pusat Penjaja di Pt80, Jalan Masjid India

## Mesyuarat Majlis Tindakan Wilayah Persekutuan (MTWP)

Selaras dengan arahan No.1, 2010 yang telah dikeluarkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri pada 23 Disember 2010, penganjuran Mesyuarat Majlis Tindakan Wilayah Persekutuan (MTWP) adalah bertujuan mengukuhkan lagi jentera penyelarasan, pelaksanaan pemantauan dan pengesanan pelaksanaan dasar dan program pembangunan. KWPKB telah dipertanggungjawabkan untuk menganjurkan mesyuarat MTWP yang dipengerusikan oleh YB Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar bermula pada tahun 2011.

Mesyuarat MTWP Bil.1 tahun 2011 telah diadakan pada 23 September 2011 di Bangunan KWPKB, Putrajaya. Secara umumnya, YB Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar selaku pengerusi mesyuarat telah menegaskan supaya setiap ahli perlu memastikan setiap keputusan Majlis Tindakan Negara (MTN) dan Jawatankuasa Tindakan Negara (JKTN) dilaksanakan sepenuhnya. Di samping itu juga, pengukuran terhadap keberkesanan setiap projek yang disediakan untuk rakyat hendaklah sentiasa diberi perhatian dan penambahbaikan.

## Penyelarasan Pelaksanaan Kajian Penilaian Outcome Projek-Projek Siap

Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM) telah menyediakan Garis Panduan Penilaian *Outcome* melalui Surat Pekeliling Am (SPA) Bil. 3 Tahun 2005 untuk melihat keberkesanan atau *outcome* sesebuah projek yang telah dilaksanakan. Setiap kementerian/agensi diwajibkan untuk membuat kajian impak bagi setiap projek yang berkaitan untuk melihat keberkesanan projek dari aspek penerimaan umum berdasarkan kepada kriteria yang telah ditetapkan. Kajian ini kemudiannya perlu dibentangkan kepada ICU JPM bagi tujuan penilaian.

Dalam tahun 2011, **kajian penilaian outcome** ke atas 6 projek di bawah RMKe-9/RMKe-10 yang telah siap telah **dibentangkan kepada ICU, JPM**. Projek-projek yang telah dibuat penilaian *outcome* adalah seperti berikut:

- a. Projek Kompleks Kejiranan Presint 16 Putrajaya
- b. Projek Pembangunan Jejantas Berbumbung Di Lebuhraya Sg. Besi Berhampiran PPR Raya Permai
- c. Projek Pembangunan Marina Awam Di WP Labuan
- d. Projek Keberkesanan Peningkatan Jalan Genting Kelang
- e. Program *Integrated Transport Information System* (ITIS) Di Lembah Kelang
- f. Projek Pengindahan Dan Rekreasi Sungai Midah

Berdasarkan pembentangan kajian penilaian *outcome* tersebut, secara keseluruhannya, pencapaian KWPKB telah dikategorikan mencapai tahap **ST (Significantly Exceed Target)** berdasarkan pemarkahan yang diadili oleh pihak ICU, JPM. Walau bagaimanapun, masih terdapat beberapa aspek penambahbaikan yang perlu dilakukan bagi memastikan kajian-kajian tersebut lebih berkesan dalam sesi penilaian di masa akan datang.

### Penyelarasan Lawatan Inspektorat ICU – *Best Practices* (KPI KSU)

Lawatan Inspektorat dilaksanakan oleh pihak ICU, JPM untuk menilai pelaksanaan sesuatu projek pembangunan sama ada ianya menggunakan `best practices` seperti mana yang digariskan melalui prosedur atau piawaian kewangan dan pembangunan yang ditetapkan. Pemarkahan ini diambil kira di dalam *Key Performance Indicator* (KPI) YBhg. Dato' KSU KWPKB. Pada Oktober dan November 2011, pasukan inspektorat dari ICU, JPM telah mengadakan beberapa siri lawatan inspektorat ke **10 buah projek** di bawah pelaksanaan agensi KWPKB iaitu DBKL, PPj dan PL.

Hasil lawatan tersebut mendapati pelaksanaan projek-projek pembangunan tersebut adalah mengikut prosedur, piawaian kewangan dan pembangunan yang ditetapkan. Skor yang telah diberikan oleh ICU, JPM kepada KWPKB sebanyak **86%** merupakan satu

pencapaian yang boleh dibanggakan dan ia dianggap sebagai pemangkin kepada pengandaan usaha yang terus cemerlang di masa akan datang. Namun begitu masih terdapat ruang penambahbaikan yang perlu dilaksanakan untuk memastikan fungsi penyampaian perkhidmatan Kementerian secara keseluruhan sentiasa menepati hasrat sebenar masyarakat.





Bahagian Komunikasi Korporat diwujudkan selaras dengan hasrat Kerajaan untuk memantapkan sistem penyampaian Kerajaan secara lebih efektif dan berkesan. Bahagian ini terdiri daripada Seksyen Petunjuk Prestasi Utama (KPI); Seksyen Pembangunan Imej dan Promosi; Seksyen Komunikasi Strategik dan Pengurusan Media; Seksyen Pengurusan Pelanggan dan Hal Ehwal Antarabangsa; dan Seksyen Majlis Rasmi dan Program Khas.

## SEKSYEN PETUNJUK PRESTASI UTAMA

Seksyen ini bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas keurusetiaan kepada Jawatankuasa Penyediaan dan Penetapan *Ministerial Key Result Area* (MKRA) dan *Ministerial Key Performance Indicator* (M-KPI) yang dipengerusikan oleh YB Menteri Wilayah Persekutuan dan Jawatankuasa Penyediaan KPI YBhg. Ketua Setiausaha KWPKB yang dipengerusikan oleh KPI YBhg. Ketua Setiausaha KWPKB.

### PROGRAM KPI

#### MKPI Review Session

- **PM-Minister Review Session**

*Prime Minister-Minister review session* (MKPI 2010) telah diadakan pada 26 Januari 2011. Proses Penyediaan pencapaian MKPI 2010 telah diuruskan oleh Unit KPI bagi setiap MKPI dalam masa yang ditetapkan.

- **PM-Minister Mid Term Review Session**

Sesi tersebut telah diselaraskan oleh pihak PEMANDU, JPM, di mana Perdana Menteri bertemu Menteri bagi membincangkan prestasi semasa setiap MKPI Menteri. Pihak Kementerian menyediakan maklumat mengenai pencapaian MKPI 2011 sepanjang bulan Januari hingga Jun 2011 (pencapaian setengah tahun) untuk dibentangkan oleh YB Menteri kepada YAB Perdana Menteri pada 15 dan 16 Ogos 2011.

#### Sesi Penilaian KPI Ketua Setiausaha KWPKB Tahun 2010 oleh pasukan penilai dari Jabatan Perkhidmatan Awam

Membentangkan Laporan Penilaian KPI Ketua Setiausaha KWPKB Tahun 2010 kepada pasukan penilai pada 25 Mac 2011 yang telah diadakan di Bilik Mesyuarat Utama, Aras 7, KWPKB. Pada keseluruhannya, pegawai penilai berpuas hati akan pencapaian KPI KSU KWPKB Tahun 2010 berdasarkan rating yang ditetapkan

#### Pre-Workshop KPI KWPKB Tahun 2011

Unit KPI telah mengadakan *Pre-Workshop* Petunjuk Prestasi Utama (KPI) pada 23 Mei 2011. *Pre-Workshop* ini telah diadakan selama sehari di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) dan telah dihadiri lebih 50 orang pegawai dari Kementerian dan Agensi. *Pre-Workshop* ini diadakan bertujuan untuk membincangkan serta menyelaraskan komponen-komponen KPI Ketua Setiausaha KWPKB Tahun 2011. Kementerian telah mendapat khidmat nasihat dan kepakaran dari konsultan swasta iaitu *KRA Consultancy Resources* dalam pengurusan dan pelaksanaan komponen KPI KSU KWPKB Tahun 2011.



*Pre-Workshop* KPI KWPKB Tahun 2011

### **Clinic Session (Pegawai KPI bersama PEMANDU)**

Pihak PEMANDU, JPM telah mengadakan sesi klinik KPI bersama semua pegawai KPI di Kementerian-kementerian. Sesi Klinik di antara Pegawai KPI KWPKB bersama PEMANDU, JPM telah diadakan pada 24 Oktober 2011 bertujuan untuk meneliti draf komponen MKPI 2012 yang dibangunkan adalah bersesuaian berdasarkan kriteria yang ditetapkan.

### **Program Pemantapan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) KWPKB Tahun 2011**

Seksyen KPI dengan usaha sama Unit Pembangunan Kompetensi telah mengadakan Program Pemantapan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) KWPKB tahun 2011 sebanyak 3 siri iaitu Siri 1 – 20 April 2011 (Rabu); Siri 2 – 27 April 2011 (Rabu); dan Siri 3 – 4 Mei 2011 (Rabu). Program ini telah mendapat khidmat penceramah dari Tekno Produktif Enterprise Sdn. Bhd iaitu Dato' Kaswuri Bin Keman.

## **SEKSYEN PEMBANGUNAN IMEJ DAN PROMOSI**

Seiring dengan usaha untuk melestarikan pembangunan imej Kementerian di mata masyarakat dan kumpulan sasar, Seksyen Pembangunan Imej dan Promosi telah diberi tanggungjawab dalam merancang dan melaksanakan pelbagai program pembangunan imej dan promosi menerusi pendekatan komunikasi pemasaran bersepadu (*integrated marketing communication*) yang menggabungkan aktiviti promosi; periklanan; pameran (*roadshow*); perhubungan awam; penjenamaan; publisiti; dan penerbitan bahan-bahan promosi. Program pembangunan imej dan promosi ini dilaksanakan menggunakan medium media cetak, media elektronik dan juga komunikasi bersemuka.

### **Program Promosi**

Pada tahun 2011, Seksyen ini telah merangka dan menyediakan perancangan promosi bagi Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2011; Kempen Kebersihan Kuala Lumpur; Majlis Rumah Terbuka KWPKB; dan Kempen Laluan Trafik Kuala Lumpur/DBKL. Promosi yang dilaksanakan telah dapat memberi impak yang positif kepada masyarakat serta kumpulan sasar terhadap pengetahuan mereka mengenai program yang dilaksanakan oleh Kementerian.

Selain itu juga, aktiviti promosi turut dilaksanakan secara perkongsian pintar bersama organisasi media Kerajaan dan Swasta dalam usaha menyebarkan dasar-dasar serta aktiviti Kementerian. Antaranya menerusi program Panaroma (RTM), Nona (TV3), Singgah Sahur (TV3), Skuad Ramadan@Wilayah (TV Al Hijrah). Bagi mempromosikan produk serta perkhidmatan Kementerian, usaha turut dilaksanakan menerusi medium pameran (*roadshow*). Tahun 2011 menyaksikan KWPKB terlibat dalam pameran korporat seperti FLORIA; Pameran IGEM; Program Gerakan Tumpuan; Rumah Terbuka KWPKB; dan Pameran Korporat sempena perhimpunan Agung UMNO.



Program Promosi Ke WP Labuan Bersama Media

### Program Peningkatan Imej

Bagi mempertingkatkan imej Kementerian, pelbagai usaha yang telah dilaksanakan menerusi pendekatan komunikasi pemasaran bersepadu. Antaranya menerusi pelaksanaan periklanan korporat yang banyak memberi tumpuan kepada produk/perkhidmatan yang disediakan oleh Kementerian. Tahun 2011 menyaksikan sejumlah sembilan (9) periklanan korporat telah dilaksanakan merangkumi program Sambutan Hari Wilayah Persekutuan; Pejabat Urus Setia Kampong Bahru; Majlis Perwakilan Kesejahteraan Bandar; Tabung Penyelenggaraan 1 Malaysia; Program Kebersihan Kuala Lumpur; Taklimat Kontraktor Greater KL; Sambutan Perayaan Deepavali; Hari Khidmat Setempat Kampong Bahru dan Program Laluan Trafik Kuala Lumpur/DBKL.

Di samping itu, seksyen ini turut melaksanakan periklanan *advertorial* berkaitan peranan utama KWPKB dan juga Agensi. Antara periklanan *advertorial* yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2011 adalah mengenai Sambutan Hari Wilayah Persekutuan; Rang Undang-undang Kampong Bahru; Taklimat Kontraktor Greater KL dan Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia.

Pelaksanaan aktiviti periklanan korporat dan *advertorial* ini dapat memastikan maklumat berkaitan produk/perkhidmatan Kementerian dapat disalurkan kepada masyarakat serta kumpulan sasar dengan meluas. Ini secara langsung dapat memberikan kesedaran dan kefahaman kepada masyarakat dan juga kumpulan sasar terhadap produk/perkhidmatan yang dijalankan oleh KWPKB.

Selain itu, Seksyen Pembangunan Imej dan Promosi telah mengaturkan sejumlah 11 temubual melibatkan televisyen dan juga radio seperti Selamat Pagi Malaysia (SPM), *Hello On Two*, Malaysia Hari Ini (MHI), Program Dialog (RTM 1), Assalamualaikum (TV Alhijrah), Apa Yang Hot (HOT FM) serta radio-radio di peringkat negeri. Temubual yang dilaksanakan ini dilihat menjadi medium yang sangat efektif dalam penyaluran maklumat mengenai dasar kementerian sehingga ke akar umbi terutamanya terhadap kumpulan sasar yang berkepentingan.



Temubual KSU KWPKB Bersama Rancangan Selamat Pagi Malaysia, RTM

Iklan-iklan KWPKB Dalam Pelbagai Bahasa

## Program Penerbitan dan Dokumentasi

Bagi meneruskan usaha penyebaran maklumat secara berterusan, Seksyen ini turut menerbitkan bahan-bahan penerbitan dan promosi seperti Laporan Tahunan KWPKB 2010; Buku Warna Warni Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2010; risalah dan poster yang berkaitan dengan produk serta perkhidmatan yang dilaksanakan oleh KWPKB. Di samping itu juga, Seksyen ini turut menerbitkan bahan-bahan dokumentasi visual yang berkaitan dengan produk KWPKB. Antaranya Video Korporat – “Transformasi KWPKB”, Iklan Radio Program Rumah Terbuka KWPKB, Iklan Radio Program Laluan Trafik Kuala Lumpur, dan treler Laluan Trafik Kuala Lumpur.



Penerbitan dan Dokumentasi

## SEKSYEN KOMUNIKASI STRATEGIK DAN PENGURUSAN MEDIA

Seksyen ini bertanggungjawab dalam mengurus dan mengendalikan perhubungan dengan media dengan menyediakan Nota Kepada Pengarang untuk Liputan Media. Sepanjang tahun 2011, sejumlah 49 jemputan kepada Ketua Pengarang Media Massa telah dikeluarkan untuk liputan pelbagai program dan aktiviti Kementerian khususnya yang melibatkan YB Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar.

Selain itu, Seksyen ini juga mengendalikan kerja-kerja penyediaan Siaran Media dan Kenyataan Media. Bagi tahun 2011, sejumlah 49 Siaran Media dan 14 Kenyataan Media telah dikeluarkan. Di samping itu, Seksyen ini juga telah mengadakan 15 siri lawatan melibatkan pengurusan tertinggi Kementerian dan agensi ke pejabat media massa bagi mengeratkan hubungan antara kementerian dan agensi dengan pihak media.



Lawatan YB Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar ke Pejabat The Star Publication

### Sesi Mesra Media Bersama YB Menteri Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar

Program ini adalah merupakan lanjutan daripada sesi mesra media yang telah diadakan sebelum ini iaitu Program Penghargaan Media Bersama YB Menteri Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar dan Agensi bagi tahun 2009/2010 yang telah diadakan di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan dengan pelbagai aktiviti iaitu pertandingan bowling, *treasure hunt* dan

sukan serta lawatan ke Wilayah Persekutuan Labuan. Justeru itu, bagi memantapkan hubungan dengan agensi media, YB Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar akan meneruskan program ini bagi tahun 2011. Ianya telah melibatkan kesemua wakil-wakil media di Wilayah Persekutuan termasuk Wilayah Persekutuan Labuan. Konsep dan pengisian program memberi keutamaan ke arah pemupukan hubungan akrab antara Pengurusan Kementerian dan Agensi dengan pihak media massa.

### SEKSYEN KHIDMAT PELANGGAN DAN HAL EHWAL ANTARABANGSA

Seksyen ini berperanan dalam pengurusan aduan Kementerian serta melaksanakan pemantauan terhadap aduan yang melibatkan Agensi di bawah KWPKB. Selain itu, Seksyen ini turut melaksana serta menyelaras aspek berkaitan khidmat pelanggan KWPKB khususnya dalam usaha membantu Kementerian mewujudkan sistem khidmat pelanggan yang "mesra pelanggan".

#### Pengurusan Aduan

Seksyen ini bertanggungjawab untuk menyelaras serta menjawab aduan dikemukakan oleh orang ramai melalui pelbagai saluran aduan seperti media cetak (akhbar), media elektronik (televisyen dan radio) serta blog dan portal rasmi/individu. Di samping itu, aduan juga diterima menerusi surat, panggilan telefon, emel dan sistem-sistem pemantauan aduan seperti (iSPAAA), i-Aduan dan e-Akhbar. Aduan turut diterima melalui aduan-aduan daripada media cetak lazimnya diterima dalam dua bentuk iaitu SKP dan berita. Bagi jawapan Surat Kepada Pengarang (SKP) akan di muat naik ke

dalam laman web Kementerian Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar Dan Agensi serta dimuat naik ke dalam portal BERNAMA *Online*.

Dalam memastikan aduan dapat dipantau dan diuruskan secara sistematik, KWPKB dan Agensi telah menggunakan Sistem iSPAAA yang dibangunkan oleh Biro Pengaduan Awam, Jabatan Perdana Menteri. Untuk memastikan kesinambungan pengurusan aduan di KWPKB, KWPKB telah menguatkuasakan tatacara pengurusan aduan dalam tempoh 15 hari seperti yang telah ditetapkan oleh Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 1 tahun 2009 (Penambahbaikan Proses Pengurusan Aduan Awam).

Sepanjang tahun 2011, KWPKB dan agensi telah menerima aduan daripada semua saluran penerimaan aduan. Laporan terperinci berkaitan penerimaan dan kadar penyelesaian aduan oleh KWPKB dan Agensi adalah seperti pada jadual di bawah:

#### Jumlah Penerimaan Aduan Dan Status Penyelesaian Aduan Mengikut Agensi 2011

Agensi	Jumlah Aduan					
	Terima	Peratus Aduan	Selesai	Peratus Selesai	Dalam Tindakan	Peratus dalam Tindakan
DBKL	16441	90.73	15066	91.64%	1375	8.36
Perbadanan Labuan (PL)	511	2.82	498	97.46	13	2.54
Pejabat Tanah & Galian (PTG)	61	0.34	61	100	-	-
Perbadanan Putrajaya (PPj)	1106	6.10	1078	97.47	28	2.53
<b>Jumlah</b>	<b>18119</b>	<b>100</b>	<b>16703</b>	<b>92.18</b>	<b>1416</b>	<b>7.82</b>



Kaunter Perkhidmatan Pelanggan Sempena Floria Putrajaya 2011

### Pengurusan Perkhidmatan Pelanggan

Semua urusan berkaitan perkhidmatan pelanggan dirancang, diurus, dilaksana dan dipantau oleh Seksyen ini. “*Service With A SMILE*” adalah pernyataan perkhidmatan Pelanggan KWPKB. Layanan mesra kepada pelanggan oleh Pegawai Khidmat Pelanggan dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan melalui panggilan telefon dan semua perkhidmatan kaunter menjadi keutamaan di KWPKB. Pegawai Khidmat Pelanggan KWPKB turut dilatih menggunakan kemahiran hubungan interpersonal yang positif iaitu hormat, mesra, responsif, bertimbang rasa dan berkomunikasi dengan baik serta berkesan. Dalam menjamin pengurusan perkhidmatan pelanggan yang bermutu, KWPKB telah melaksanakan beberapa program yang berorientasikan pelanggan seperti Kempen “*Service With A SMILE*” 2011, Hari Bertemu Pelanggan dan Kajian Kepuasan Pelanggan KWPKB 2011.

### Program Hari Bertemu Pelanggan

Pelaksanaan Program Hari Bertemu Pelanggan bersama Agensi selaras dengan arahan Kerajaan bertujuan untuk mengeratkan hubungan antara sektor awam dengan orang ramai di samping mendapat maklumat dan maklum balas serta cadangan daripada masyarakat. Pelaksanaan program ini juga memberi peluang kepada KWPKB dan Agensi mendapatkan maklumat secara terus mengenai masalah yang dihadapi oleh pelanggan masing-masing, di samping meningkatkan kualiti perhubungan awam di KWPKB dan Agensi.

Pada tahun 2011, program Hari Bertemu Pelanggan dan Kajian Kepuasan Pelanggan bersama Agensi telah dilaksanakan sebanyak empat (4) kali iaitu di Labuan (April); Putrajaya (Julai); dan Kuala Lumpur (September dan Oktober). Maklumbalas yang diterima daripada orang ramai juga amat memberangsangkan dengan jumlah peningkatan pengunjung berbanding tahun 2010.



Lab Khidmat Pelanggan di Kuantan

Kajian Kepuasan Pelanggan yang dilaksanakan oleh KWPKB telah melibatkan sejumlah 1,803 orang responden. Jumlah penyertaan responden terdiri daripada pengunjung yang telah menghadiri Hari Bertemu Pelanggan KWPKB 2011 di WP Kuala Lumpur adalah melebihi 20,000, di WP Putrajaya melebihi 50,000 dan di WP Labuan melebihi 10,000 orang. Kajian yang dijalankan meliputi semua perkhidmatan teras KWPKB. Kategori Tahap Kepuasan Pelanggan 2011 mengikut skala (%) adalah seperti jadual berikut:

#### Laporan Kajian Kepuasan Pelanggan KWPKB 2011

Perkara	Tahap Kepuasan Pelanggan			Kategori Keseluruhan
	Cemerlang	Memuaskan	Tidak Memuaskan	
Pelan Tindakan	73.2%	23.7%	3.1%	Baik
Kesejahteraan Bandar	73.0%	24.3%	2.7%	Baik
Inisiatif	92.2%	4.9%	2.9%	Cemerlang
Perkhidmatan	80.2%	18.0%	1.8%	Amat Baik
Pengurusan	69.8%	27.1%	3.1%	Memuaskan
Aspirasi	93.0%	5.3%	1.7%	Cemerlang
Keseluruhan	86.1%	13.9%	1.0%	Amat Baik
<b>Keputusan Keseluruhan</b>	<b>81.1%</b>	<b>16.7%</b>	<b>2.3%</b>	<b>Amat Baik</b>

#### Program Lawatan

Sepanjang tahun 2011, KWPKB telah menerima kunjungan empat (4) delegasi lawatan rasmi daripada luar negara iaitu Delagasi Vietnam (Mac); Delagasi Pakistan (Mac); Delagasi Jepun (Mei); dan Delagasi Indonesia (Oktober).

### Kempen “Service With A SMILE 2011”

Bahagian Komunikasi Korporat telah menganjurkan Kempen “Service With A SMILE 2011” peringkat KWPKB dan Agensi mulai 1 Ogos 2011 hingga 1 Disember 2011. Sempena kempen ini, Pertandingan Kempen Amalan Senyum Bagi Petugas Barisan Hadapan Peringkat KWPKB Dan Agensi 2011 telah diadakan.

Penilaian pertandingan ini telah dijalankan mulai September 2011 hingga November 2011. Penilaian pertandingan di bahagikan kepada dua bahagian utama iaitu penilaian terhadap Kriteria Utama oleh juri jemputan dari Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), MAMPU dan Biro Pengaduan Awam (BPA) serta penilaian terhadap Kriteria Sokongan oleh wakil BKK, KWPKB. Pecahan peratusan markah yang ditetapkan adalah 80% bagi Kriteria Utama dan 20% bagi Kriteria Sokongan. Kriteria Utama ditetapkan berdasarkan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 1 Tahun 2008.

Pertandingan Kempen Amalan Senyum Bagi Petugas Barisan Hadapan Peringkat KWPKB dan Agensi 2011 turut melibatkan penyertaan juri jemputan daripada KWSP, MAMPU dan BPA. Penilaian pertandingan ini telah dilaksanakan secara *Mystery Shopping* oleh juri jemputan yang dilantik. Pemenang pertandingan ini telah memenangi wang tunai berjumlah RM5,000, *arcylic award* (sijil penyertaan) dan *Champion Batch 2011*. Keputusan rasmi pertandingan adalah seperti jadual di bawah:

#### Keputusan Rasmi Pertandingan

Organisasi	Jumlah Markah	Kedudukan
DBKL	75.45%	Tempat Pertama
PPj	75.43%	Tempat Kedua
KWPKB	74.30%	Tempat Ketiga
PTGWP	64.93%	Tempat Keempat
MSWP	60.79%	Tempat Kelima
PL	58.30%	Tempat Keenam

### SEKSYEN MAJLIS RASMI DAN PROGRAM KHAS

Seksyen ini bertanggungjawab untuk menyelaraskan penganjuran program khas Kementerian yang diurusetikan oleh Bahagian Komunikasi Korporat. Di samping itu, Seksyen ini turut berperanan untuk membantu program/majlis rasmi Bahagian di Kementerian daripada aspek pengedaran kad jemputan; dan khidmat nasihat sambutan serta protokol majlis.



Majlis Pelancaran Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2011

### Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2011

Sambutan Hari Wilayah Persekutuan (HWP) 2011 telah mendapat sambutan yang menggalakkan dari warga Wilayah Persekutuan. Tema sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2011 (HWP 2011) ialah “1Wilayah Persekutuan, Menjuarai Transformasi”. Antara majlis-majlis utama yang telah diadakan ialah seperti Kempen Kibar Bendera Wilayah Persekutuan; Khutbah Khas Solat Jumaat; Majlis Pelancaran Sambutan Hari Wilayah; Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran dan Pingat Wilayah Persekutuan; Karnival WOW! Putrajaya; Pertandingan Golf Diraja; Festival Sambutan Hari Wilayah Persekutuan; Majlis Penutup Sambutan HWP 2011; Majlis Jamuan Teh Rakyat Sempena HWP 2011.

### Majlis Rasmi KWPKB dan Agensi

Sepanjang tahun 2011, Seksyen ini telah membantu menyelaraskan penganjuran majlis rasmi Bahagian dan Agensi di Kementerian. Antara majlis tersebut adalah Festival Bunga dan Taman Putrajaya (FLORIA) 2011; Majlis Berbuka Puasa YB Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar; Program Jom Sahur YB Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar; Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri; Majlis Penyerahan Lembu Korban warga Kawasan Kampong Baharu; Program Anti-Denggi *Blog For FT Cares!*; Program *GreenFT Blog For FT Cares!*; dan Majlis Penyerahan Bantuan Peralatan Persekolahan – *Back To School*.

### Perhimpunan Bulanan dan Program Khas

Seksyen ini turut bertanggungjawab dalam menyelaras Perhimpunan Bulanan warga KWPKB bersama dengan YB Menteri WPKB dan Ketua Setiausaha KWPKB.

Bagi tahun 2011 Majlis Perhimpunan Bulanan KWPKB Bersama Agensi (peringkat YB Menteri WPKB) telah diadakan sebanyak tiga (3) kali iaitu pada Bulan April, Jun dan Oktober 2011 manakala Majlis Perhimpunan Bulanan YBhg. Dato' KSU telah diadakan sebanyak enam (6) kali iaitu pada Januari, Mac, Mei, Julai, Ogos, dan November.

Selain itu, seksyen ini juga membantu dalam lain-lain majlis KWPKB anjuran Bahagian atau Agensi dibawah KWPKB antaranya Majlis Perasmian Menara Seri Wilayah (Menara PjH); Majlis Pelancaran Perluasan Tabung Penyenggaraan 1Malaysia (TP-1Malaysia) ke Perumahan Kos Sederhana Rendah Swasta; Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang KWPKB dan Agensi Tahun 2010; Program Turun Padang (*Walkabout*) YAB Timbalan Perdana Menteri ke Wilayah Persekutuan pada Jun 2011; Majlis Pelancaran Projek Perumahan 1 Malaysia (PRIMA); dan Taklimat Kepada Kontraktor Berhubung Projek Yang Ditawarkan Di Bawah NKEA *Greater Kuala Lumpur/Klang Valley*.



Program Membeli-belah Keperluan Hari Raya Aidilfitri Anak-anak Yatim / Ibu Tunggal / Fakir Miskin dan Golongan OKU Bersama YB Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar



## BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT

Bahagian ini bertanggungjawab dalam urusan pembangunan aplikasi dan multimedia; pembangunan rangkaian dan keselamatan ICT; dan melaksanakan perancangan serta pengurusan pengguna ICT di KWPKB. Bagi melaksanakan peranan serta tanggungjawab ini, Bahagian ini mengandungi tiga (3) Seksyen iaitu Seksyen Pembangunan Aplikasi dan Multimedia; Seksyen Rangkaian dan Keselamatan ICT; dan Seksyen Perancangan dan Pengguna.

## PROGRAM TAHUN 2011

### Perkhidmatan-Perkhidmatan *Online* KWPKB

Sehingga tahun 2011, sebanyak 50 perkhidmatan *online* (Internet) telah ditawarkan oleh KWPKB dan agensi-agensinya di bawahnya seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Putrajaya (PPj), Perbadanan Labuan (PL) dan Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan (PPTGWP). Empat (4) dari 50 perkhidmatan tersebut adalah perkhidmatan *online* KWPKB. Manakala terdapat 28 perkhidmatan Intranet ditawarkan kepada pelanggan dalam KWPKB.

Perkhidmatan-perkhidmatan *online* (Internet) KWPKB kepada rakyat adalah:

- (i) Pewartaan Tanah Rizab dan Pelantikan Pegawai Tanah (eWarta);
- (ii) Penjualan Rumah CSRU di Putrajaya (*Internet Banking*);
- (iii) Pencalonan Anugerah Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan; dan
- (iv) iSPAAA (Sistem Bersepadu Pengurusan Aduan Awam) KWPKB

### Perolehan Peralatan ICT

Pada tahun 2011 BPM telah membuat beberapa perolehan peralatan ICT secara sebut harga dan pembelian terus di samping meneruskan sewaan peralatan ICT sedia ada bagi memastikan semua pengguna kementerian mendapat kemudahan ICT yang sepatutnya. Perolehan peralatan ICT pada tahun 2011 adalah seperti Jadual di bawah:

Perolehan Peralatan ICT 2011

Bil	Perkara	Kuantiti
1	iPad2	21
2	PC	25
3	Pencetak Hitam Putih	65
4	Pencetak Warna	8
5	Plotter	4

Bagi mengukuhkan infrastruktur di Pusat Data KWPKB dan menyahut seruan kerajaan ke arah Teknologi Hijau, Projek Server *Virtualisation and Consolidation* telah dilaksanakan dengan kos sebanyak RM450,000.00. Antara peralatan ICT yang telah diperolehi di dalam projek ini adalah tiga (3) unit *server* ESX, storan SAN, *fiber switch* dan pembaharuan lesen VMWare.



## Khidmat Sokongan Dan Bantuan Teknikal

Pada tahun 2011, sebanyak 495 masalah/aduan mengenai ICT telah direkodkan di dalam Sistem e-aduan (**Helpdesk**) yang merupakan salah satu komponen Sistem Sistem *Common Office Enviroment* (COE) KWPKB.

## Pembangunan Kerangka Kerja Pengurusan Pengetahuan KWPKB

Kerangka Kerja Pengurusan Pengetahuan (KKPP) KWPKB merupakan dokumen yang dibangunkan untuk dijadikan panduan di dalam membangun dan melaksanakan inisiatif pengurusan pengetahuan KWPKB. Projek pembangunan KKPP KWPKB mengambil masa selama empat (4) bulan bermula pada pertengahan Ogos 2102 sehingga Disember 2012. Bagi melaksanakan kajian pembangunan KKPP, tiga (3) siri retreat telah diadakan. Retreat pertama pada 8 Oktober 2012 hingga 10 Oktober 2012 di Cherating, Pahang, retreat kedua pada 19 Oktober hingga 20 Oktober 2012 di Dewan Serbaguna KWPKB dan retreat ketiga pada 11 November 2012 hingga 13 November 2012 di Melaka. Portal Pengurusan Pengetahuan KWPKB iaitu ARIF juga telah dibangunkan berdasarkan KKPP KWPKB yang dibangunkan.



## Jawatankuasa Pemandu ICT KWPB

Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) KWPKB telah diadakan sebanyak empat (4) kali dan sebanyak 23 cadangan perolehan projek ICT telah diluluskan oleh Mesyuarat JPICT KWPKB di sepanjang tahun 2011.



Peserta Pembangunan Kerangka Kerja Pengurusan Pengetahuan KWPKB

## PENCAPAIAN TAHUN 2011

### Anugerah Agensi Paling Responsif 2011

KWPKB telah mendapat Anugerah Agensi Paling Responsif 2011 pada 1 November 2011 sempena Persidangan UGM 2011. Penganugerahan adalah berdasarkan penilaian oleh Bahagian Pematuhan ICT, MAMPU ke atas agensi yang patuh dan sentiasa peka kepada arahan, pekeling dan notis-notis berkaitan keselamatan ICT.



### Laman Web KWPKB Bertaraf 5 Bintang

Laman Web/Portal KWPKB telah mendapat pengiktirafan **5 bintang** daripada pihak MDeC/MAMPU di dalam Penilaian Laman Web/Portal Kerajaan Malaysia Bagi Tahun 2011. KWPKB menduduki tempat ke-sepuluh (**10**) daripada 768 agensi yang dinilai dan berkongsi kedudukan dengan beberapa agensi lain. Satu peningkatan dan lonjakan yang sangat membanggakan berbanding kedudukan (4 bintang) pada tahun 2010.





## PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG

Pejabat Penasihat Undang-Undang adalah komponen utama bagi Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar berdasarkan kepada objektif utama penubuhan Pejabat Penasihat Undang-Undang iaitu memberi nasihat kepada Kementerian berhubung dengan semua urusan perundangan yang melibatkan Kementerian dengan agensi-agensi yang dipertanggungjawab di bawahnya.

## PENCAPAIAN TAHUN 2011

### Pandangan Undang-Undang

Bagi tahun 2011, Pejabat ini telah mengemukakan 21 pandangan undang-undang bertulis kepada Kementerian dan agensi-agensi di bawahnya. Manakala pandangan undang-undang secara lisan telah diberikan dari semasa ke semasa.

### Pengubalan Rang Undang-Undang / Akta / Perundangan Subsidiari

(i) Akta  
Akta Perbadanan Pembangunan Kampong Baharu 2011 [Akta 733] telah diwartakan pada 30 Disember 2011.

(ii) Perundangan subsidiari yang telah disiarkan dalam warta sepanjang tahun 2011 adalah seperti berikut

(a) Perintah Pemeluasan dan Ubahsuaian Undang-Undang

Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Ubahsuaian Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955) 2011 [P.U.(A) 20/2011]

(b) Undang-Undang Kecil, Peraturan-Peraturan, Kaedah-Kaedah, Pemberitahuan dan Perintah

(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Perhentian Bagi Kenderaan-Kenderaan Perkhidmatan Awam) (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2011 [P.U.(A) 24/2011]

(2) Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982 Kaedah-Kaedah Rancangan (Pembangunan) (Pindaan) 2011 [P.U.(A) 101/2011]

(3) Akta Pengangkutan Jalan 1987 Perintah Pengangkutan Jalan (Perhentian Untuk Bas) (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) (No.2) 2011 [P.U.(A) 111/2011]

(4) Akta Pengangkutan Jalan 1987 Perintah Pengangkutan Jalan (Perhentian Bagi Kenderaan-Kenderaan Perkhidmatan Awam) (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur)(No.2) 2011 [P.U.(A) 146/2011]

(5) Akta Hiburan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1992 Perintah Perisytiharan Hiburan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2011 [P.U.(A) 327/2011]

(6) Akta Kerajaan Tempatan 1976 Undang-Undang Kecil Pelesenan dan Rumah Pemiakan Anjing 2011 [P.U.(A) 333/2011]

(7) Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2007 Penetapan tarikh permulaan kuat kuasa [P.U.(B) 145/2011]

(8) Akta Kerajaan Tempatan 1976 Kadar Tahunan Yang Disatukan 2008 Bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur [P.W.30668/2011]

Kadar Tahunan Yang Disatukan 2009 Bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur [P.W.30669/2011]

Kadar Tahunan Yang Disatukan 2010 Bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur [P.W.30670/2011]

(c) Pelantikan

(1) Akta Ibu Kota Persekutuan 1960  
Peraturan-Peraturan Lembaga Penasihat  
Bandaraya Kuala Lumpur 1989  
Pelantikan Ahli Lembaga Penasihat [P.U.(B)  
487/2011].

(2) Kanun Tanah Negara  
Pelantikan Pegawai di bawah Seksyen 12 (1B)  
(b)  
[P.W. 8252], [P.W. 8253], [P.W.19774],  
[P.W.19775], [P.W.29302]

(3) Kanun Tanah Negara  
Pelantikan Pegawai di bawah Seksyen 12 (1B)  
(c) [P.W. 21725]

(4) Akta Eksais 1976

Pelantikan Ahli Lembaga Pelesenan [P.U.(B)  
620/2011]

(d) Perintah Penahanan dan/atau Perintah  
Pembebasan di bawah Kanun Tatacara Jenayah

Bagi tahun 2011, sebanyak 3 Perintah Penahanan  
dan/ atau Pembebasan di bawah Kanun Tatacara  
Jenayah telah disemak.

(e) Perizaban Tanah di bawah Seksyen 62 dan 64  
Kanun Tanah Negara

Sebanyak 244 perizaban tanah bagi maksud awam,  
notis cadangan pembatalan perizaban tanah bagi  
maksud awam, pembatalan perizaban tanah bagi  
maksud awam telah diwartakan bermula Januari  
2011 hingga Disember 2011.




## Perjanjian

Bagi tahun 2011, sebanyak 65 dokumen perjanjian yang dikemukakan oleh pihak Kementerian, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Majlis Sukan Wilayah Persekutuan telah pun disemak dan diluluskan oleh Pejabat ini.

## Kertas Siasatan

Sebanyak 29 kertas siasatan yang dikemukakan oleh Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah disemak bagi tahun 2011 untuk kesalahan di bawah Kanun Tanah Negara, Akta Hotel (WPKL) 2003 dan Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2006 [Akta 663].





**URUSETIA JAWATANKUASA  
KERJA TANAH WILAYAH PERSEKUTUAN**

Urusetia Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan (UJKTWP) dari segi fungsinya telah wujud semenjak penubuhan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 1 Februari 1974. Penubuhan Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan (JKTWP) adalah berdasarkan Perintah Wilayah Persekutuan (Ubahsuaian Kanun Tanah Negara) 1974 yang diwartakan melalui P.U.(A) 56/74 dan telah melalui beberapa pindaan. Pindaan yang terakhir adalah melalui P.U (A) 128/2007. Antara perkara-perkara utama yang dibincangkan dan dipertimbangkan JKTWP adalah seperti berikut :

- Permohonan tanah daripada individu atau syarikat
- Permohonan pengambilan tanah
- Permohonan pembangunan tanah
- Serahbalik tanah dan bermilik semula
- Pecah sempadan dan penyatuan lot-lot tanah
- Pindahmilik tanah dan perolehan hartanah oleh warganegara asing
- Permohonan perizaban tanah bagi maksud awam
- Rayuan bayaran premium dan cukai tanah (pengurangan / lanjutan tempoh)

#### PENYEDIAAN MAKLUM BALAS DAN LAPORAN BERKAITAN TANAH DAN CSRU

UJKTWP juga turut bertanggungjawab untuk mengumpul maklumat yang tepat dan terkini dari pelbagai sumber yang berkaitan serta menjalankan siasatan sendiri ke atas lokasi yang terlibat; dan menyediakan laporan yang komprehensif bagi membantu proses membuat keputusan.

#### PROGRAM PENJUALAN UNIT KEDIAMAN *CIVIL SERVANT RESERVED UNIT (CSRU)* DI PUTRAJAYA

Bagi program ini, UJKTWP bertanggungjawab untuk memproses permohonan dan mengeluarkan tawaran dengan segera kepada pemohon yang diperakukan berdasarkan garis panduan yang ditetapkan; dan menyediakan khidmat nasihat serta panduan yang jelas kepada pemohon di sepanjang proses permohonan dan jual beli.



## PENGURUSAN URUSAN PENTADBIRAN TANAH BAGI WILAYAH PERSEKUTUAN

UJKTWP juga memainkan peranan dalam menyelaras dan melaksanakan semakan serta penambahbaikan kepada undang-undang dan peraturan pentadbiran tanah di WP yang berkuatkuasa berdasarkan perkembangan semasa bagi menyokong pelaksanaan dasar-dasar kerajaan yang berkaitan; melaksanakan urusan dengan segera pewartaan pegawai-pegawai yang dilantik di

bawah Kanun Tanah Negara 1965, Ordinan Tanah 1930 (Sabah, Cap. 68), dan Akta Mahkamah Rendah 1948, subseksyen 3(1) Akta Bangunan Dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2007 [Akta 663]; melaksanakan dengan sempurna mengikut kehendak undang-undang urusan pewartaan perizaban dan pembatalan perizaban tanah bagi maksud awam; dan melaksanakan urusan pewartaan penyenaian syarikat / institusi kewangan di bawah Jadual Kedua dan Ketiga Enakmen Rezab Melayu 1946.

### Program Penjualan Rumah CSRU Di Putrajaya

Sehingga 31 Disember 2011 unit-unit CSRU yang telah ditawarkan mengikut presint dan jenis kediaman adalah seperti berikut:

	Presint 8	Presint 9	Presint 10	Presint 11	Presint 14	Presint 15	Presint 16	Presint 18	Jumlah
Banglo	-	-	7	-	14	-	3	-	24
Semi-D	17	17	14	7	32	103	11	31	232
Teres	19	114	-	66	45	-	43	28	315
Kondominium	-	-	-	46	-	-	-	-	46
Townvilla	-	-	-	-	-	-	30	-	30
<b>Jumlah Keseluruhan</b>									<b>647</b>

Urusan penawaran unit kediaman dilaksanakan secara berterusan berdasarkan kepada jumlah unit yang diserahkan oleh pihak pemaju kepada Kerajaan serta kelayakan pemohon berdasarkan merit serta garis panduan yang telah ditetapkan. Sehingga 31 Disember 2011 bilangan pemohon yang masih berada di dalam senarai menunggu mengikut kategori rumah yang dipilih adalah seperti berikut:

Bil.	Jenis Rumah	Bilangan Menunggu
1.	Banglo	106
2.	Semi-D	506
3.	Teres	1060
4.	Kondominium	559
5.	Townvillas	265
<b>Jumlah keseluruhan</b>		<b>2,496</b>



## PROGRAM TAHUN 2011

### Bengkel Semakan dan Penambahbaikan Dasar-Dasar Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan

Bengkel Semakan dan Penambahbaikan Dasar-Dasar Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan serta Lawatan Sambil Belajar ke Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Johor anjuran UJKTWP telah diadakan pada 19 hingga 22 Julai 2011 di *The Zon Regency Hotel*, Johor. Seramai 30 orang peserta daripada Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Putrajaya, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Labuan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Perbadanan Putrajaya dan Perbadanan Labuan telah menghadiri bengkel tersebut.



### Pelancaran Penjualan Kuarters Berkembar Presint 15

Pelancaran ini telah dianjurkan oleh Urusetia Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan pada 1 Oktober 2011 jam 3.00 petang bertempat di Kuarters Berkembar Presint 15, Putrajaya. Majlis pelancaran turut disertai oleh institusi kewangan yang menawarkan pakej pembiayaan khusus bagi pembelian unit kediaman tersebut. Penjualan 316 unit kediaman ini bermula pada 1 Oktober 2011 dan akan berakhir pada 31 Mac 2012. Objektif pelancaran ini adalah untuk membuat promosi dan pemakluman mengenai Penjualan Kuarters Berkembar Presint 15 kepada orang ramai khususnya penduduk di sekitar Putrajaya. Di samping itu, mereka dapat meninjau sendiri reka bentuk dan jenis kediaman yang ditawarkan.





Bagi memastikan pengurusan sumber dan kewangan dilaksanakan dengan berhemat, cekap, ekonomi dan berkesan, Bahagian Audit Dalam (BAD) telah ditubuhkan pada 1 April 2005 selaras dengan kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9 Tahun 2004. BAD KWPKB telah ditubuhkan sebagai salah satu komponen kawalan dalaman KWPKB yang menilai secara bebas dan bertanggungjawab terus kepada Ketua Setiausaha KWPKB.

### PERANAN BAHAGIAN AUDIT DALAM

Penubuhan BAD bertujuan untuk membantu KWPKB mencapai matlamatnya melalui pendekatan yang sistematik dan berdisiplin untuk menilai serta menentukan keberkesanan semua proses kawalan dan tadbir urus termasuk menentukan program dan aktiviti


diuruskan dengan cekap, berhemat dan berkesan. Secara umumnya, BAD membantu pihak pengurusan atasan mempertingkatkan tahap pengurusan kewangan serta pematuhan kepada undang-undang, peraturan dan prosedur yang ditetapkan.



Mesyuarat Pelaksanaan MS ISO 9001:2008 Bahagian Audit Dalam Di Melaka Dari 26 – 28 Mei 2011



Aktiviti-Aktiviti Pengauditan Sepanjang Tahun 2011



Amalan Persekitaran Berkualiti 5S Di KWPKB

## PROGRAM TAHUN 2011

Aktiviti BAD pada tahun 2011 adalah berdasarkan Rancangan Audit Tahunan BAD 2011 yang diluluskan oleh Ketua Setiausaha. Kriteria pemilihan aktiviti adalah berdasarkan keperluan dan keutamaan semasa. Pencapaian kerja Bahagian Audit Dalam KWPKB bagi tahun 2010 adalah seperti di Jadual 1:

**Jadual 1: Pencapaian Kerja**

Bil.	Tajuk	Dilaksanakan
1.	Menyediakan Rancangan Audit BAD KWPKB 2011	Januari
2.	Menyediakan Laporan Tahunan BAD KWPKB 2010	Mac
3.	Penampilan Audit – Pengurusan Rekod Kenderaan di PTG WPKL	Mac
4.	Kajian Terhadap Tunggakan Hasil di PTG WP Labuan	Mac – April
5.	Pengauditan Khas – Pemeriksaan/Verifikasi Stor di Stor Jabatan Kewangan dan Jabatan Kejuruteraan Mekanikal DBKL	April
6.	Pengauditan Pengurusan Kewangan Sukan Malaysia (SUKMA) 2010	Mei
7.	Pengauditan Khas - Pengurusan Kewangan di LDA Labuan Holdings Sdn Bhd	Jun
8.	Pengauditan Khas – Surat SPRM : Aduan Terhadap Penyalahgunaan Kuasa Oleh Pegawai DBKL Tidak Mengambil Tindakan Terhadap Restoran Kedai Mamak Berniaga Di atas Jalan Raya di Kawasan Pandan, Kuala Lumpur	Jun
9.	Pengauditan Khas – Surat SPRM : Aduan Terhadap Penyalangunaan Kenderaan DBKL Menghadiri Ceramah Parti Keadilan Rakyat	Jun
10.	Kajian Terhadap Bantuan Sewa Rumah Di Bawah Program Pembasmian Kemiskinan Bandar di Sabah, Kedah dan Terengganu	Jun – Julai
11.	Penampilan Audit – Pengurusan Rekod Kenderaan di KWPKB	Julai
12.	Pengauditan Susulan Aset Alih Kerajaan di KWPKB	Julai
13.	Pengauditan Pengurusan Aset dan Inventori di PTG WPKL	Ogos
14.	Kajian Terhadap Bantuan Bagi Pendidikan Dan Latihan Di Bawah Program Pembasmian Kemiskinan Bandar Oleh Kelab Wanita Kijang di Kelantan	September – Oktober
15.	Pengauditan Penjualan Lot-Lot Banglo Di Wilayah Persekutuan Putrajaya	November
16.	Kajian Terhadap Bantuan Bagi Pendidikan Dan Latihan Di Bawah Program Pembasmian Kemiskinan Bandar Oleh Syarikat AZP Resources Sdn Bhd di Pahang dan Terengganu	November
17.	Pengauditan Pengurusan Perbelanjaan – Perjanjian Kontrak Di KWPKB	Disember
18.	Pengauditan Terhadap Bantuan Peralatan Bagi Program Latihan Di Bawah Program Pembasmian Kemiskinan Bandar Oleh Persatuan Ahli Majlis Wanita Kerajaan Tempatan Malaysia (WLA) di Perak dan Sabah	Disember



DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur merupakan pihak berkuasa tempatan yang berperanan menjadikan Kuala Lumpur sebagai Bandar Raya Bertaraf Dunia menjelang 2020. Sejalan dengan hasrat ini, pelbagai usaha transformasi telah dilaksanakan oleh DBKL seperti kejayaan dalam perkara berikut:

- Sistem penguraian trafik bersepadu di kawasan Brickfields
- Menaiktaraf infrastruktur di Puduraya; dan
- Penjenamaan semula Taman Botani, Kuala Lumpur

## AKTIVITI UTAMA SEPANJANG TAHUN 2011

### Pengurusan Sumber Manusia

Selaras dengan kelulusan Penyusunan Semula Struktur Organisasi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, kedudukan perjawatan tetap di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mengikut kumpulan perkhidmatan bagi tahun 2011 yang melibatkan 9569 jumlah perjawatan yang terdiri daripada Kumpulan Pengurusan Tertinggi; Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Sokongan.

DBKL juga telah melaksanakan Kuala Lumpur *Regional Training Centre* (KLRTC) atau CIFAL Kuala Lumpur yang merupakan satu pusat latihan untuk melaksanakan program-program latihan dan pembangunan yang mana disertai oleh agensi-agensinya dalam negara dan negara-negara di rantau Asia Pasifik. Program tersebut memfokuskan kepada isu-isu perbandaran seperti perancangan dan pembangunan bandar, pengangkutan dan pengurusan sisa pepejal. Untuk tahun 2011, sebanyak 3 siri kursus telah berjaya dijalankan di Kuala Lumpur dan sekali telah dijalankan di Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Bandar Tun Razak Cheras di mana Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bertindak sebagai sekretariat utama.

### Peningkatan Kualiti dan Penambahbaikan Sistem Penyampaian Perkhidmatan

#### a) Penguatkuasaan Undang-undang

Sepanjang tahun 2011 sebanyak 1,207,163 notis kesalahan lalulintas telah dikeluarkan berbanding dengan tahun 2010 sebanyak 1,352,201. Penurunan sebanyak 10.7%.

#### b) Penerimaan Aduan Mengenai Penjaja

Sepanjang tahun 2011 sebanyak 382 aduan berkaitan penjaja telah diterima berbanding dengan tahun 2010 sebanyak 538. Penurunan sebanyak 29%.

### Tindakan Penguatkuasaan Ke Atas Penjaja

Sejumlah 2,035 notis kesalahan telah dikeluarkan ke atas penjaja bagi tahun 2011 berbanding sebanyak 2,455 pada tahun 2010. Perbandingan keseluruhan tindakan pada tahun 2010 sebanyak 8,551 berbanding dengan tahun 2011 sebanyak 7,481. Penurunan sebanyak 12.51%.

### Pengurusan Aduan

DBKL melalui Jabatan Keselamatan dan Penguatkuasaan telah menerima sebanyak 2,965 aduan awam berbanding sebanyak 3,559 aduan dalam tahun 2010. Penurunan sebanyak 594 aduan bersamaan 16.69%.

### Perancangan dan Pembangunan

Pada tahun 2011, sebanyak 7,818 permohonan kebenaran perancangan telah diterima di Urusetia Pusat Setempat (OSC) yang melibatkan lima (5) jenis permohonan iaitu Permohonan Serentak, Kebenaran Merancang, Pelan Kejuruteraan, Pelan Bangunan Dan CFO. Jenis permohonan yang paling banyak diterima sepanjang tahun 2011 ialah Permohonan Pelan Bangunan iaitu sebanyak 4,749 permohonan.

### Pembangunan Kemudahan Awam

Di bawah Peruntukan DBKL, sejumlah RM34,079,700.00 telah diperuntukan pada tahun 2011 untuk 52 projek yang melibatkan kerja-kerja pembinaan bangunan perniagaan seperti gerai dan pusat penjaja, pusat komuniti/dewan, perumahan awam dan lain-lain projek.

DBKL turut menyediakan kemudahan pondok berteduh untuk 24 buah sekolah serta Projek *Pedestrian Linkages* yang menghubungkan stesen LRT ke kawasan komersial / bangunan di bawah projek NKRA. Syarikat Prasarana Negara Berhad telah dilantik untuk melaksanakan projek ini.

## Perkhidmatan Perbandaran dan Penyelenggaraan Bandar Raya

### a) Sistem CCTV Pemantauan Jenayah

CCTV bagi tujuan pemantauan jenayah yang dipasang di sekitar Kuala Lumpur adalah dihubungkan terus kepada Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kuala Lumpur dan empat (4) buah Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD).

Pada tahun 2011, DBKL telah memasang 5 unit CCTV pemantauan jenayah di beberapa laluan pejalan kaki yang sibuk di Bandar Raya Kuala Lumpur untuk memantau dan meningkatkan keselamatan pejalan kaki. Lokasi-lokasi pemasangan CCTV ini adalah di Jalan Damansara (Berhadapan Muzium Negara), Jalan P. Ramlee (Berhadapan UBN Tower), Leboh Pasar Besar/Jalan Benteng dan Jalan Sultan Hishamuddin (Berhadapan Rumah Persekutuan). Kos projek pemasangan CCTV ini ialah sebanyak RM511,723.06.

### b) Sistem CCTV Pemantauan Lalulintas

Pada tahun 2011, DBKL telah memperkenalkan satu sistem baru yang dinamakan sebagai *Eye Zoom*. Sistem *Eye Zoom* ini bertujuan untuk mengatasi masalah kesesakan yang disebabkan oleh *double parking*, meletak kenderaan di tempat yang tidak dibenarkan, akitiviti punggah-memunggah dan lain-lain.

Sistem *Eye Zoom* ini menggunakan sistem siaraya yang dipasang bersama dengan sistem CCTV pemantauan lalulintas di tapak. Melalui sistem *Eye Zoom* ini, operator di Pusat Kawalan Trafik (ATC) dapat memantau melalui kamera CCTV dan membuat pengumuman melalui pembesar suara nombor pendaftaran kenderaan yang melakukan halangan lalulintas. Pemandu kenderaan berkenaan dipohon untuk mengalihkan kenderaannya. Jika masih berdegil, anggota penguatkuasa akan membantu untuk mengambil tindakan selanjutnya.

Sebagai projek perintis, sistem *Eye Zoom* ini telah dilaksanakan di tiga (3) lokasi, iaitu Jalan Masjid India, Jalan Munshi Abdullah dan Jalan Bunus 6.





## Program Pembangunan Komuniti

### a) Seminar persatuan penduduk

Seminar Persatuan Penduduk telah diadakan pada 24-26 April 2010 bertempat di PNB Ilham Resort, Port Dickson. Seminar ini telah dirasmikan oleh Y.Bhg. Dato' Seri Ahmad Fuad bin Ismail, Datuk Bandar Kuala Lumpur dan Majlis Penutup telah disempurnakan oleh YB. Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal, Menteri WP dan Kesejahteraan Bandar. Seramai 250 orang wakil Persatuan Penduduk telah menghadiri seminar tersebut dan sebanyak 12 kertas kerja telah dibentangkan semasa seminar tersebut berlangsung.

### b) Majlis sumbangan DBKL kepada Persatuan Penduduk

Majlis pemberian sumbangan DBKL kepada persatuan penduduk telah diadakan pada 13 Mei 2010 bertempat di Pusat Komuniti Sentul Perdana yang telah disempurnakan oleh YB. Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin, Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar. Sumbangan ini diberikan kepada seluruh Persatuan Penduduk yang berdaftar dengan Pejabat Pendaftar Pertubuhan WP Kuala Lumpur. Sumbangan sebanyak RM5,000.00 bagi setiap persatuan ini bertujuan membantu persatuan mengadakan program berbentuk kemasyarakatan yang melibatkan seluruh komuniti setempat agar semangat perpaduan dan Gagasan 1Malaysia dapat diterapkan sehingga ke peringkat akar umbi.

**c) Program komuniti Harmoni 1Malaysia**

Program ini telah diadakan pada 13 dan 14 Mac 2010 bertempat di Perumahan Awam Desa Rejang, Setapak Jaya dan dirasmikan oleh YBhg. Datuk Ketua Pengarah DBKL. Program ini diadakan adalah bertujuan untuk memberi peluang kepada persatuan penduduk setempat menganjurkan aktiviti yang dapat mengeratkan hubungan di kalangan penduduk berbilang kaum. Matlamat utama program ini adalah supaya masyarakat setempat dapat bergaul mesra serta melihat kepentingan perpaduan dan kerjasama dalam menjayakan sesuatu program dan tanggungjawab yang perlu.

**Perancangan dan Pembangunan Komersial**

DBKL telah menerima sejumlah 6,979 permohonan lesen baru dan mengeluarkan sejumlah 9,737 Lesen Penjaja Sementara musim perayaan. Pecahan lesen adalah 418 (4.30%) untuk Perayaan Tahun Baru Cina, 810 (8.32%) untuk Perayaan Deepavali dan 8509 (87.38%) lesen untuk Bazar Ramadan. Lesen Sementara Musim Perayaan dikeluarkan bagi memberi peluang kepada orang ramai yang berminat untuk mendapatkan pendapatan tambahan bagi menyambut perayaan. Sejumlah 1724 lesen paparan iklan luar telah diluluskan oleh Jawatankuasa Pelesenan (Iklan) serta sebanyak 8,071 permohonan lesen premis perniagaan dikemukakan pada tahun 2010 dan hanya 3,318 permohonan lesen premis perniagaan telah diluluskan.

**Aktiviti-aktiviti Pelancongan Kuala Lumpur**

**a) Majlis Perasmian 'Heritage Walk Tour' di Brickfields**

Dirasmikan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur di Kelab Sukan DBKL, Jalan Brickfields pada 8 Januari 2011.

**b) Free Guided Walk of Little India @Brickfield**

Acara ini dijalankan sejumlah 45 sesi dan telah berjaya dilaksanakan dengan sejumlah 409 orang pelancong iaitu dengan purata 1 sesi bersamaan 9 ke 10 orang. Acara ini mendapat sambutan baik para pelancong.

**c) Festival Samrah 2011**

Festival ini bertujuan untuk mengalu-alukan kedatangan pelancong dari rantau Timur Tengah. Tahun 2011 merupakan tahun ke-5 bagi penganjuran festival ini dan dirasmikan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur. Persembahan muzik dan penyanyi daripada Indonesia dan Malaysia. Sepanjang malam persembahan dianggarkan 3,000 ke 4,000 orang telah hadir. Acara ini mendapat sambutan hangat dan meriah sepanjang 5 malam penganjuran.





PERBADANAN PUTRAJAYA

Perbadanan Putrajaya (PPj) telah di tubuhkan di bawah Akta Perbadanan Putrajaya 1995 (Akta 536) yang berkuatkuasa mulai 1 Mac 1996. Objektif penubuhan PPj adalah untuk merancang, membangun, mentadbir dan mengurus Wilayah Persekutuan Putrajaya. Fungsi PPj sepertimana yang termaktub dalam Seksyen 4 Akta Perbadanan Putrajaya 1995 (Akta 536).

## DASAR BARU

Antara dasar baru yang telah digubal/dilaksanakan oleh PPj sepanjang tahun ini adalah:

- i. Dasar mengenai projek Bandar Hijau Putrajaya melalui penyediaan dokumen *Putrajaya Green City 2025: Baseline and Preliminary Study (PGC2025)* dan penganjuran Bengkel Bandar Hijau Putrajaya 2011;
- ii. Dokumen perancangan melalui Program Publisiti Awam Rancangan Struktur Putrajaya 2025 dan Program Publisiti Awam Rancangan Tempatan Presint 12 ; dan
- iii. Pelaksanaan lorong khas bas di Persiaran Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah bertujuan untuk mengelakkan kesesakan lalu lintas yang menjejaskan tempoh masa perjalanan dan laluan bas.

## PENCAPAIAN

### Anugerah dan Pengiktirafan

Pada tahun ini, PPj telah menerima tiga (3) anugerah utama iaitu *ASEAN Environmentally Sustainable Cities Award* oleh *ASEAN Working Group on Environmentally Sustainable Cities (AWGESC)*, *Ecohydrology Operational Site* (Tasik dan Wetland Putrajaya) oleh Pertubuhan Antarabangsa *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization – International Hydrological Programme (UNESCO-IHP)*, *Malaysia Government Portals and Website Assessment 2011* (Penarafan Lima Bintang) dan menerima penghargaan untuk Inisiatif Kejiranan Hijau sempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia 2011. Bagi anugerah *Ecohydrology Operational Site* yang diterima oleh PPj, sehingga kini hanya enam buah tasik di dunia diiktiraf sebagai *Operational Site* termasuklah Tasik dan Wetland Putrajaya yang merupakan satu-satunya tapak di Malaysia dan di rantau ini yang mendapat pengiktirafan sedemikian.

## PROGRAM TAHUN 2011

### Pengurusan Projek Pembangunan

Projek yang telah disiapkan oleh PPj pada tahun ini adalah Tempat Letak Kereta (Kiblat Walk) di Presint 3, Padang Bola di Presint 1, Laman Perdana di Presint 1, Park & Ride di Presint 14, Tempat Letak Kereta Bertingkat di Kompleks Kerajaan Parcel B, Presint 1, dan Surau Komuniti di Presint 9B di bawah program LA21 Putrajaya, manakala projek-projek yang sedang di dalam pelaksanaan adalah Kompleks Futsal 1Malaysia di Presint 18 (Bangunan Utama dan Kafeteria), Tempat Letak Kereta Bertingkat di Presint 4, Pembinaan Kiosk-kiosk Informasi dan Makanan di Persiaran Perdana, dan Surau Komuniti di Presint 14 di bawah program LA21 Putrajaya.

### Pembangunan Sistem Teknologi Maklumat

- i. **Pembangunan Web Perbadanan Putrajaya Geospatial Information System (Putra Geo Info)**  
Aplikasi web GIS dalam perkongsian dan integrasi Pangkalan Data Geospatial membolehkan pengguna membuat capaian maklumat spatial secara *online* bagi membantu aktiviti-aktiviti perancangan, pengurusan, pemantauan, penyenggaraan dan pengoperasian.
- ii. **Pembangunan Sistem *Electronic Submission Kelulusan Landskap***  
Sistem ini dibangunkan untuk mendaftar permohonan, menyemak pelan, memberi ulasan, mengeluarkan kelulusan Pelan-pelan Landskap dan Kelulusan Berkebun.
- iii. **Projek Pilot Sistem Inventori dan Pengurusan Pokok (SIPP)**  
Sistem ini dibangunkan dengan mengambil kira aspek arborikultur di dalam pengurusan, penjagaan serta pemantauan kesihatan pokok yang efektif dan berkesan untuk memenuhi aspirasi kerajaan menjadikan Putrajaya sebagai sebuah Bandar Dalam Taman.



#### iv. Pembangunan Sistem Pemantauan Cerun

Sistem ini dibangunkan untuk membantu PPj dalam pengurusan cerun yang antara lain melibatkan inventori, penilaian risiko, penyiataan tapak dan analisa geoteknik.

#### Auditan dan Pengurusan Risiko

PPj telah melaksanakan sebanyak 24 tajuk auditan yang meliputi auditan kewangan dan auditan prestasi di mana 21 laporan awal auditan tersebut telah pun dikeluarkan dalam tahun 2011 dan tiga (3) yang lain dalam bulan Januari tahun berikutnya. Bagi maksud pengurusan risiko yang bersistematik, Kerangka Kerja Pengurusan Risiko PPj telah disiapkan untuk dijadikan panduan oleh pekhidmat PPj semasa menguruskan risiko.

#### Pelan Strategik PPj dan Pelan Strategik ICT

PPj telah menggubal pelan strategiknya yang baru bagi tempoh 2011 hingga 2015. Pelan ini merupakan kesinambungan daripada pelan yang terdahulu iaitu bagi tempoh 2008 hingga 2010. Walau bagaimanapun, pelan yang baru ini masih mengekalkan visi dan temanya iaitu bagi menjadikan Putrajaya TERURUS, BERSEMANGAT DAN BERTENAGA SERTA MAKMUR menjelang tahun 2015. Dalam memastikan pelaksanaan ICT di PPj adalah selari dan menyokong Pelan Strategik Perbadanan Putrajaya 2011-2015, maka dokumen Pelan Strategik ICT (ISP) yang selama ini digunakan dalam pelaksanaan ICT PPj akan dikaji semula. PPj kini sedang dalam peringkat penyediaan dokumen Pelan Strategik ICT 2012-2015 dengan mengambil kira semua dasar, hala tuju, teknologi dan keutamaan program. Dokumen Pelan ISP ini dijangka siap pada Jun-Julai 2012.

## Pengurusan Aduan

PPj telah berjaya menyelesaikan keseluruhan aduan yang diterima pada tahun 2011 di mana 630 aduan daripada 1,120 aduan (56.25%) berjaya diselesaikan dalam tempoh 15 hari. Sebanyak 90 aduan melalui Biro Pengaduan Awam (BPA) telah diterima dan kesemua aduan ini juga telah berjaya diselesaikan. Di samping itu, sebanyak 1,089 laporan mengenai pelbagai isu dan masalah telah diterima melalui Program Pegawai Kawasan.

## Pengurusan dan Penyelenggaraan Landskap dan Taman

### i. Program Penanaman Pokok

Sepanjang tahun 2011 sejumlah 15,136 batang pokok telah disemai dan sedang disenggara untuk dijadikan bank pokok dan jumlah ini akan meningkat lagi apabila sejumlah 1,000 batang pokok akan ditanam pada tahun hadapan. Bilangan anak pokok di bank pokok yang akan disemai dan dibiakkan sebagai bahan tanaman pada tahun 2012 ini ialah 15,000 batang pokok.

### ii. Program dan Aktiviti Taman-Taman Awam

Sepanjang tahun 2011, jumlah pelawat ke taman-taman awam di Putrajaya seperti Taman Botani, Taman Wetland, Taman Cabaran dan Taman Warisan Pertanian yang direkodkan adalah berjumlah 884,898 orang pelawat berbanding 796,091 orang pelawat tahun sebelumnya. Bilangan pengunjung ke taman-taman awam ini dijangka akan meningkat sehingga ke 1 juta orang pada tahun 2012 dengan penganjuran pelbagai lagi aktiviti menarik untuk semua golongan pengunjung dan pelawat.



## Projek LA21

Antara program LA21 yang telah dilaksanakan pada tahun 2011 adalah:

- i. Februari-November 2011: Program Pertandingan Mencipta Logo LA 21 Putrajaya;
- ii. Mei 2011: Program Jom Jiran Bersama Komuniti Pangsapuri Putra Harmoni Bersama Maybank Putrajaya;
- iii. Julai 2011: Majlis Penyerahan Surau Komuniti Presint 9B kepada Jawatankuasa Pembangunan Surau 9B, Majlis Gotong-Royong Penanaman Pokok di Surau Komuniti Presint 9B, Sumbangan PjH, Majlis Pecah Tanah Surau Komuniti Presint 14 dan Forum Peranan dan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) LA 21 Putrajaya; dan
- iv. Disember 2011: Program Kembara Ilmu LA 21 Putrajaya ke Surabaya dan Malang.

## Projek Putrajaya Perintis Bandar Hijau

Pada 2011, PPj telah menjalankan kajian *Putrajaya Green City 2025 (PGC2025): Baseline and Preliminary Study* untuk mengenalpasti tahap pelepasan karbon bagi Putrajaya. Bermula dari penghujung tahun 2011, PPj (melalui Projek Pelan Tindakan Bandar Karbon Rendah di Putrajaya dan Cyberjaya di bawah Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air Malaysia (KeTTHA) telah menyediakan Pelan Tindakan Bandar Hijau Putrajaya. Ia bertujuan untuk memperincikan cadangan-cadangan yang disyorkan dalam PGC2025 dalam bentuk tindakan dan program terperinci dan dijangka akan dimuktamadkan dalam tahun 2012.





### Program Kitar Semula

Amalan mengitar semula di Putrajaya terus meluas dengan tahap penyertaan penduduk meningkat sebanyak 10.4%. Jumlah kutipan pula meningkat 22% daripada 1,260 tan dalam tahun 2010 kepada 1,480 tan dalam tahun 2011. Ini menghasilkan purata kutipan sebanyak 4.2 tan sehari iaitu lebih kurang 10% daripada berat sisa pepejal yang dikutip di Putrajaya setiap hari.

Berdasarkan rekod pengumpulan sepanjang 2011, kutipan bahan jenis kertas adalah paling tinggi dengan mencatatkan sebanyak 1,239 tan iaitu 88%, manakala kutipan selebihnya sebanyak 169 tan atau 12% adalah daripada jenis plastik, besi, kaca, aluminium, e-waste dan tetrapak. Kutipan terbesar diperolehi daripada bangunan-bangunan kerajaan dan swasta yang menyumbang sebanyak 44%, diikuti dengan pengumpulan di Pusat-pusat Kitar Semula Tetap dan Bergerak, kutipan di kawasan perumahan dan kutipan di sekolah-sekolah serta lain-lain jenis program yang mencatatkan 56%.



## Pembangunan Komuniti, Sukan dan Rekreasi

Bagi tahun 2011, PPj telah mencatat tiga (3) pencapaian utama iaitu menyelaras penubuhan Majlis Perwakilan Kesejahteraan Bandar (MPKB) peringkat sub zon Putrajaya bersama dengan KWPKB, menjayakan Karnival Kompleks Kejiranan Putrajaya dan menganjurkan Hari Pusat Pembelajaran Kejiranan (PPK) 2011. Sejumlah 11 MPKB telah ditubuhkan pada Julai 2011 bagi menyelaras aktiviti 72 Persatuan Penduduk di Putrajaya bertujuan untuk meningkatkan kecekapan perkhidmatan KWPKB dan PPj. Setiap MPKB telah menerima geran peruntukan sebanyak RM30,000.00 bagi melaksanakan aktiviti dan menjalankan pengurusan komuniti di peringkat sub zon masing-masing.

Karnival Kompleks Kejiranan adalah acara tahunan bagi mendekatkan PPj dengan komuniti Putrajaya melalui pengisian pelbagai aktiviti yang melibatkan segenap lapisan masyarakat Putrajaya. Antara aktiviti yang telah dianjurkan termasuklah Pertandingan Dikir Barat, Pertandingan Mewarna, Sukaneka Air, Pertandingan Dam Aji, Mini *Hot Air Balloon*, Permainan Kitar Semula, Pameran Kerjaya dan aktiviti jualan am.

## Program Mempromosi Putrajaya

- i. **Karnival Wow! Putrajaya (11 – 13 Februari 2012)**  
Karnival Wow! Putrajaya (KWP) 2011 yang menjadi satu lagi *signature event* di Putrajaya telah dirasmikan oleh YB Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar. KWP 2011 mencipta sejarahnya yang tersendiri apabila disambut bersempena Sambutan 10 Tahun Pengisytiharan Putrajaya Sebagai Wilayah Persekutuan pada tahun ini. Selaras dengan sambutan bersejarah ini, tumpuan diberikan kepada pameran bertemakan “Satu Dekad Kecemerlangan Putrajaya” dan turut dipenuhi dengan pelbagai gerai jualan dan pameran yang berjaya menggamit kehadiran hampir 100 ribu pengunjung.
- ii. ***International Hot Air Balloon Fiesta (17 – 20 Mac 2011)***  
Sebanyak 27 buah belon telah menghiasi ruang udara Putrajaya yang diundang khas dari 14 buah Negara seperti Belgium, Switzerland, The Netherlands, USA, Japan, Hong Kong, Germany, UK, Thailand, Vietnam, India, France, Dubai dan



tidak ketinggalan Malaysia selaku tuan rumah. Selain daripada itu, beberapa acara sampingan telah turut diadakan bagi memeriahkan lagi suasana pesta. Dijangkakan lebih dari 250 ribu pengunjung telah membanjiri acara ini.

### iii. Floria Putrajaya 2011

Floria Putrajaya yang bertemakan bunga Mawar pada tahun ini merupakan lambang kepada usaha murni kerajaan untuk memupuk dan menyuburkan kasih sayang antara rakyat berbilang kaum di negara ini selaras dengan visi "1Malaysia". Antara tarikan utama pada tahun ini adalah penyertaan 15 orang pereka flora dan landskap terkenal. Peserta-peserta dari United Kingdom, Canada, Amerika Syarikat, New Zealand, Hong Kong, Jepun, Korea, Taiwan, Thailand, Macao, Kenya, Pakistan, Indonesia, China dan Singapura. Lebih dari 1 juta pengunjung telah menghadiri acara ini yang turut dimeriahkan dengan penganjuran *Putrajaya International Night Floral Parade 2011* anjuran Kementerian Pelancongan Malaysia.

## Perancangan Tahun 2012


### i. Pengurusan Projek Pembangunan

Bagi tahun 2012, antara projek-projek yang sedang diselaras dan dirancang adalah Depo Bas Nadiputra di Presint 14, Tempat Letak Bas (Tambahan) di Presint 7, Pembinaan Pusara Negara di Presint 20, dan Pengubahsuaian Surau-Surau di Presint 8, 9, 11 dan 16 di bawah peruntukan JAWI.

### ii. Rancangan Pemajuan

Bagi tahun 2012, antara Rancangan Pemajuan dan Kajian-Kajian yang dirancang akan dilaksanakan adalah sepertiewartakan Rancangan Struktur Putrajaya 2025, mengadakan Program Publisiti Awam Bagi Rancangan Tempatan Presint 11, menyediakan Laporan Kajian Kualiti Hidup Putrajaya, melaksanakan Sistem Portal – Indikator Kualiti Hidup Putrajaya dan Sistem Pemantauan Bandar Selamat melalui Pemetaan GIS serta melaksanakan tiga (3) program/initiatives yang dikenalpasti di bawah NKEA *Greater KL – Vitalizing Putrajaya (Lighting Promenade, Heritage/City Trail dan Water Taxi)*.





PERBADANAN LABUAN

Perbadanan Labuan (PL) ditubuhkan pada 1 Julai 2001, di bawah Akta 609, Akta Perbadanan Labuan 2001. Penubuhan PL merupakan hasil penggabungan dua agensi utama iaitu Lembaga Pembangunan Labuan dan Majlis Perbandaran Labuan. PL bertanggungjawab untuk memastikan pembangunan di Wilayah Persekutuan Labuan terancang melalui pembangunan sosio ekonomi yang maju dan mampan; peningkatan prasarana dan perkhidmatan yang berterusan; dan menjadikan Pulau Labuan taman percutian dan perniagaan yang unik dan menarik serta memenuhi citarasa kedamaian, ketenangan, kemewahan dan cabaran.



#### PROGRAM TAHUN 2011

##### Aspek Sosial dan Pembangunan Modal Insan

Perbadanan Labuan telah melaksanakan pelbagai aktiviti kemasyarakatan yang mensasarkan penglibatan ketua-ketua masyarakat, penduduk kampung dan pelajar-pelajar sekolah. Antara program yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

- Program Lalu Lintas Shell Peringkat Sekolah WP Labuan;
- Program Kepimpinan Ketua Kampung dan Jawatankuasa Kampung Peringkat WP Labuan; dan
- Program Lawatan sambil Belajar Ketua-Ketua Kampung Ke Yogyakarta Indonesia

Manakala bagi membasmi kemiskinan di WP Labuan, PL telah mengadakan Program Peningkatan Pendapatan khusus untuk keluarga yang berpendapatan rendah bagi meningkatkan taraf kehidupan seterusnya mengeluarkan peserta dari kepompong kemiskinan. Sejumlah RM50,000.00 telah disalurkan oleh KWPKB. Bagi tujuan program ini sejumlah lima (5) buah keluarga dalam senarai e-Kasih telah terpilih untuk menerima bantuan menerusi program ini. Bantuan peralatan yang diberikan kepada peserta tersebut merupakan peralatan mesin jahit lurus, mesin jahit tepi dan mesin sulaman.

Pihak PL juga telah melaksanakan 17 projek kecil bagi kerja-kerja menaiktraf infrastruktur kampung sedia dengan menggunakan peruntukan KWPKB berjumlah RM500,000.00. Kerja-kerja tersebut adalah seperti pembinaan jalan simen baru, penyelenggaraan jalan simen, membesarkan bahu jalan simen dan penyelenggaraan jambatan.

## Projek Pembangunan

Sebanyak sembilan (9) projek pembangunan telah siap dilaksanakan di bawah Perbadanan Labuan pada tahun 2011. Antara projek tersebut adalah:

- **Pembangunan Labuan Walk**

Projek ini terletak di Jalan Dewan terdiri dari laluan *interlocking* dan *premix* sepanjang 150m dan digunakan sebagai tapak penjaja, tapak pameran, jamuan dan pelaksanaan acara serta siarkaki. Komponen lain yang terdapat dalam projek ini adalah bangunan restoran 2 tingkat dan *water fountain* yang menelan belanja hampir RM4.0 juta secara keseluruhannya.



Labuan Walk

- **Eko Pelancongan Kinabenuwa**

Projek ini merangkumi pembinaan bangunan restoran dan jalan masuk yang melibatkan kos sebanyak RM3.0 juta dan telah disiapkan pada Mei 2011. Selain dari ruang restoran, bangunan ini juga turut menyediakan ruang pejabat, lobi, dapur, stor dan bilik penyenggaraan peruntukan bagi melaksanakan projek telah disalurkan oleh Kementerian Pelancongan bagi pembangunan pelancongan di WP Labuan.

- **Pembinaan Stor Sepusat**

Bangunan stor Perbadanan Labuan yang baru terletak di Jalan Hj. Ismail telah disiapkan pada Jun 2011 dengan kos pembinaan berjumlah RM3.7juta. Bangunan dengan rekaan dalam konsep *double volume* yang memudahkan sistem penyimpanan dilaksanakan. Ia turut dilengkapi dengan laluan *ramp* bagi setiap pintu masuk yang menggunakan *roller shutter* bagi tujuan pemungahan. Alatan keselamatan dan sistem pencegahan kebakaran turut disediakan dan komponen sokongan lain ialah ruang pejabat

yang bilik pemandu, laluan dalaman mengelilingi bangunan dan 2 unit tandas.

- **Pembangunan Dewan Komuniti Di Kampung Sungai Bedaun**

Sejumlah dua (2) dewan komuniti telah dilaksanakan oleh Perbadanan Labuan bagi tahun 2011 yang menelan belanja RM4 juta. Dua dewan komuniti tersebut adalah Dewan Komuniti Kampung Sungai Bedaun dan Kampung Sungai Lada. Antara kemudahan yang terdapat di dewan adalah sebuah gelanggang futsal dengan komponen pelengkap seperti bilik mesyuarat, ruang pejabat, pentas terbuka, lantai perhimpunan dan tandas awam.

- **Pusat Aktiviti Homestay Kampung Patau-Patau Dua**

Penyediaan kemudahan dewan terbuka berkeluasan 364m<sup>2</sup> bagi aktiviti *homestay* yang terdiri dari ruang terbuka, pejabat, bilik stor dan tandas. Bangunan ini telah disiapkan pada Mei 2011 dengan kos pembinaan RM0.7 juta.



Jamuan Rumah Terbuka Aidilfitri Bersama Warga Labuan



Tugu Peringatan, Labuan

- **Perumahan Kakitangan Awam Di Kg. Bukit Kuda (Fasa 3)**

Projek pembinaan masjid berkeluasan 1,171m<sup>2</sup> dan dewan arena terbuka berkeluasan 2,790<sup>2</sup> ini melibatkan kos pembinaan sebanyak RM10 juta merupakan projek kemudahan sokongan kepada projek perumahan kakitangan awam yang telah didiami sejak 2009. Ia dilengkapi dengan dewan solat lelaki dan perempuan yang boleh menempatkan 400 orang jemaah. Dewan arena terbuka pula boleh menempatkan gelanggang bola tampar, gelanggang bola jaring dan gelanggang sepak takraw. Selain itu, tempat letak kereta dan motosikal berkapasiti 130 lot serta tiga (3) unit kios turut disediakan.

- **Surau Di Kiansam**

Projek disiapkan pada awal Januari 2011 boleh memuatkan jemaah seramai 200 orang telah mula digunakan dengan kos pembinaan keseluruhannya berjumlah RM200,000.00.

- **Kemudahan Pelancongan Di Tugu Peringatan**

Projek ini melibatkan pembinaan kemudahan infrastruktur sokongan seperti tandas, tempat letak kereta yang sempurna dan kerja mekanikal dan elektrik di kawasan Tugu Peringatan. Kos sebanyak RM0.5 juta diperuntukan untuk menyiapkan kemudahan tersebut dan telah siap pada Mei 2011.

## Acara dan Promosi Pelancongan

### • Acara Pelancongan

Usaha galakan pelancongan, kebudayaan dan kesenian terus dipergiat dalam tahun 2011. Tumpuan diberikan khusus dalam penganjuran acara pelancongan bertaraf antarabangsa dan domestik yang banyak menyumbang kepada ketibaan pelancong ke WP Labuan. Acara-acara yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut;

#### Acara

Remembrance Day 2011

WWII Memorial Ceremony 2011

Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2011

Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia

Program Perarakan Berjubah Graduan  
Sempena Majlis Konvo UMS

Program Derau Bahasa dan Sastera

### • Promosi Pelancongan

Bagi mempromosikan produk pelancongan di Wilayah Persekutuan Labuan, mekanisme promosi yang digunakan adalah menerusi media cetak, media elektronik dan menerbitkan bahan-bahan promosi seperti risalah Kalendar Acara Pelancongan Tahunan 2011 (*Calendar of Events 2011*) yang telah membantu pengunjung dan pelancong merancang waktu percutian yang sesuai di Labuan. Selain itu, promosi pelancongan di Wilayah Persekutuan Labuan juga turut dimuat naik di portal PL dan pemasangan *billboard* di negeri Johor, Perlis, Kuala Lumpur dan Kota Kinabalu. Di samping itu, beberapa sesi lawatan wakil media daripada organisasi media cetak dan media elektronik telah diadakan secara bersama dengan Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar.



Pameran Minyak dan Gas, Labuan



Program Kesejahteraan Bandar di Labuan

## PROGRAM KHAS TAHUN 2011

### Persijilan MS ISO 9001:2008

Persijilan MS ISO 9001:2008 sebelum ini meliputi tiga skop utama dan kini pihak pengurusan PL telah melaksanakan penambahbaikan kepada pensijilan skop Pengurusan Perkhidmatan Perpustakaan. Hasil auditan oleh SIRIM Berhad melaporkan bahawa pihak audit telah berpuas hati dan mendapati Sistem Pengurusan Kualiti di Perbadanan Labuan adalah mengikut keperluan proses organisasi. Selari dengan pemakaian MS ISO 9001:2008, beberapa siri kursus telah diadakan bagi meningkatkan kefahaman pegawai PL.

### Key Performance Indicator (KPI)

KPI untuk Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) disediakan berdasarkan kepada KPI Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB) dan Ketua Setiausaha KWPKB. Daripada 28 aktiviti tersebut, 21 aktiviti bersamaan dengan 87.5% telah berjaya mencapai sekurang-kurangnya status Mencapai Sasaran dengan 14 aktiviti (58.3%) daripadanya berstatus Sangat Melempi Sasaran. Sebanyak 24 aktiviti telah dijadikan sasaran yang merangkumi lapan (8) teras iaitu:

- a) Pembangunan Modal Insan;
- b) Meningkatkan Produktiviti, Daya Saing dan Nilai Tambah WP Labuan;
- c) Meningkatkan Aktiviti Pelancongan di WP Labuan;
- d) Membasmi Kemiskinan di WP Labuan;
- e) Menyelaras Sumber Dengan Keutamaan Bagi Mempastikan Penggunaan Dana Awam yang Optima;
- f) Memperkasa Penggunaan Teknologi Untuk Meningkatkan Kualiti Hidup;
- g) Menggubal dan Melaksanakan Dasar Pemuliharaan Alam Sekitar; dan
- h) Melibatkan Masyarakat Dalam Penggubalan Dasar, Pembangunan dan Aktiviti Kemasyarakatan.



Perhimpunan Bulanan Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar dan Agensi Bersama YB Menteri di Labuan

### Kempen 1 Kelahiran 1 Pokok

Sempena kempen ini, sebanyak 6,154 pokok telah berjaya ditanam termasuk 5,000 pokok bakau yang ditanam semasa Sambutan Hari Landskap Peringkat Labuan. Syarikat Shell Labuan telah menjadi Rakan Kongsi Program LA21 WP Labuan dan menyumbangkan sebanyak RM10,000.00 untuk Program Pemuliharaan Paya Bakau Kinabenuwa. Program penghijauan ini juga telah mencapai sasaran dengan penanaman jumlah 1 Kelahiran 1 Pokok iaitu sebanyak 1652 pokok berdasarkan kelahiran pada tahun 2010.

### Sistem Penggredan Premis Makanan

Sebanyak 135 premis (Restoran dan Kedai Kopi) telah dinilai dari aspek kebersihan pengendalian makanan dan kebersihan premis. Secara keseluruhan, 90.1% premis telah mendapat gred A dan B seperti di jadual berikut.

Keputusan Penggredan Premis Makanan		
Gred	Bilangan Premis	Peratus (%)
A	38	28.2
B	85	62.9
Tiada Gred	12	8.9
<b>Jumlah</b>	<b>135 Premis</b>	



## Lawatan Pembesar Negara Ke WP Labuan

### i. Lawatan YAB Perdana Menteri Malaysia

YAB Perdana Menteri (PM) Malaysia telah mengadakan Lawatan Kerja ke WP Labuan pada 26 Februari 2011. Antara program yang telah dihadiri oleh YAB PM adalah:

- Majlis Penyempurnaan Sistem Bekalan Air Labuan Fasa II;
- Majlis Perasmian Klinik 1Malaysia Labuan; dan
- Majlis Penutup Sambutan Hari Wilayah.

Lawatan TPM (Konvoi ke dua buah rumah penerima bantuan)



Lawatan TPM (Makan Tengahari 1Malaysia Bersama Rakyat di Kg. Sg. Labu)



Lawatan TPM (Perasmian Pusat Komuniti Kg. Sg. Lada dan Sg. Bedaun)

## ii. Lawatan YAB Timbalan Perdana Menteri Malaysia

YAB Timbalan Perdana Menteri (TPM) Malaysia telah mengadakan Lawatan Kerja ke WP Labuan pada 19 November 2011. Antara pengisian program yang telah dihadiri oleh YAB TPM adalah:

- Sesi *Town Hall* Bersama Jabatan Kerajaan dan NGO;
- Makan Tengahari 1Malaysia bersama Rakyat bertempat di Pusat Aktiviti Homestay Kg. Sg. Labu;
- Berkonvoi ke dua buah Rumah Penerima Bantuan; dan
- Merasmikan Pusat Komuniti Kg. Sg. Lada dan Kg. Sg. Bedaun.



**PEJABAT PENGARAH TANAH &  
GALIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan (PPTG WP) merupakan agensi kerajaan yang berurusan terus dengan orang awam/pelanggan/*stake holders* bagi urusan-urusan yang melibatkan perihal tanah. PPTG WP juga adalah penunjuk prestasi dalam aspek pentadbiran tanah dan dipantau di peringkat persekutuan melalui Jawatankuasa PEMUDAH. Oleh yang demikian, adalah menjadi matlamat PPTG WP untuk sentiasa mempertingkatkan sistem penyampaian agar menepati keperluan dan ekspektasi pelanggan.

## PROGRAM TAHUN 2011

### Pencapaian Kutipan Cukai


Pada tahun 2011, PPTG WP telah berjaya memperoleh sebanyak RM492 juta bagi hasil kutipan cukai tanah yang melibatkan para pemilik tanah yang berdaftar di Wilayah persekutuan Kuala Lumpur. Jumlah kutipan ini sedikit sebanyak telah membantu dalam pembangunan ekonomi negara.

### Program Promosi Kutipan Cukai

Bagi membantu kepada pencapaian tersebut, Jabatan ini telah memperkenalkan pelbagai insentif. Salah satunya adalah melalui program Cabutan Bertuah “Jom Bayar Dan Menang Cukai Tanah 2011” yang mana, terbuka kepada pemilik tanah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang menjelaskan cukai tanah mulai Januari hingga Mei 2011. Cabutan tersebut dibuat pada Mesyuarat Exco oleh YB Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar. Hadiah-hadiah yang telah

Lawatan Mesra dan Perasmian Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Putrajaya (PPTG WP Putrajaya) oleh Timbalan Perdana Menteri, YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin diiringi oleh YB Dato' Raja Nong Chik Bin Dato' Raja Zainal Abidin, Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar ke PPTG WP Putrajaya sempena Perasmian 'Menara Seri Wilayah', pada 3 Mei 2011.





disampaikan oleh YB Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar pada Majlis Jom Bayar dan Menang 2011 berupa sebuah kereta Proton Saga BLM, TV LCD 32", Kamera Digital dan Sijil Simpanan Premium dan komputer riba. Selain itu, Diskaun 5% Cukai dan 50% Tunggakan Denda Lewat turut diberikan kepada pemilik-pemilik tanah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Insentif ini bertujuan bagi menarik lebih ramai pemilik tanah membayar cukai tanah seperti yang ditetapkan dan sebagai galakan kepada pembayar cukai yang komited membayar cukai tanah setiap tahun. Diskaun 5% cukai semasa dan 50% diskaun Tunggakan Denda serta Denda Lewat bagi yang membuat bayaran secara online dan hanya 50% diskaun Tunggakan Denda serta Denda Lewat bagi yang membuat bayaran secara manual. Sehingga Disember 2011, PPTG WPKL telah mencapai 90.08% hasil kutipan cukai tanah yang berjumlah RM96 juta.

Para pemenang-pemenang Jom Bayar dan Menang Cukai Tanah 2011



## Program Permohonan Tanah

PPTG WP juga diberi tanggungjawab dalam memproses segala permohonan yang berkaitan dengan urusan dan bukan urusan tanah yang menyumbang kepada peningkatan hasil Jabatan setiap tahun. Pada tahun 2011, PPTG WP telah berusaha untuk menambahbaik proses dan meningkatkan ketelusan dalam prosedur pendaftaran tanah. Penambahbaikan ini meliputi tahap pemrosesan dan pendaftaran tanah. Mulai bulan Mei 2011, Bahagian Pendaftaran ini telah mengekalkan prestasi 100% pendaftaran 1Hari Pindah Milik Tanah. Proses pendaftaran tanah ini juga telah diperluaskan kepada semua urusan dan bukan urusan hakmilik berkomputer. Bagi meningkatkan dan memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan, pihak PPTG WP telah merangka dan mengenalpasti beberapa perancangan yang sedia ada dan baru berupaya meningkatkan kualiti dan imej Jabatan. Antara usaha yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

### a) Pengurangan 50% Tunggakan Denda 2012

Kaedah ini adalah bagi memastikan supaya para pemilik tanah perlu peka terhadap tanggungjawab mereka dalam memastikan cukai tanah dibayar pada setiap tahun. Antaranya:

- i. Diskaun 50% hanya layak diberikan kepada pemilik tanah berdaftar di **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur** sahaja.
- ii. Diskaun ini bermula daripada **1 Januari 2012 hingga 31 Disember 2012** sahaja.
- iii. Diskaun 50% hanya layak diberikan kepada pemilik yang membuat **bayaran penuh (Lump sum)** cukai tanah semasa, tunggakan cukai tanah dan tunggakan denda\* **dalam satu resit**.

### b) Konfigurasi Strata

Kaedah lain pula adalah melalui pembangunan sistem bagi proses pendaftaran hakmilik strata. Satu sistem iaitu Sistem e-Tanah dijangka akan digunapakai pada awal 2014 bagi mempercepat urusan tersebut. Melalui sistem ini, proses pendaftaran secara berkomputer akan dapat dipercepatkan bagi menggantikan kaedah secara manual.

### c) 1Day Consent

Urusan Pindah Milik dan juga mencagar yang dikendalikan oleh Unit *Consent*, PPTG WP merupakan antara urusan yang seringkali dikemukakan oleh pelanggan. Tempoh masa dari dua (2) minggu sehingga sebulan diperlukan bagi urusan tersebut. Oleh yang demikian, satu kertas cadangan akan dikemukakan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JKKT WPKL) bagi membolehkan urusan tersebut dipercepatkan kepada 1 hari sahaja. Cadangan ini bagi membolehkan kehendak pelanggan dipenuhi.



Penyerahan Buku Pelan Strategik PPTG WP 2010-2015



**MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) berperanan dalam meningkatkan pembangunan sukan di Wilayah Persekutuan yang meliputi pembangunan kemahiran atlet; infrastruktur; persatuan sukan; dan pengurusan.

### PROGRAM TAHUN 2011

#### Kursus Penyalahgunaan Dadah Dalam Sukan Untuk Persatuan-persatuan Sukan Di Wilayah Persekutuan

Kursus ini telah diadakan sebanyak dua fasa iaitu di Wilayah Persekutuan Putrajaya pada 20 hingga

22 April 2011 bagi Persatuan-persatuan Sukan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Manakala bagi Persatuan-persatuan Sukan di Wilayah Persekutuan Labuan diadakan pada 26 hingga 28 April 2011. Kursus ini telah berjaya menarik minat seramai 55 persatuan sukan dari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.



Kursus Penyalahgunaan Dadah Dalam Sukan Untuk Persatuan-persatuan Sukan Di Wilayah Persekutuan Labuan

Objektif kursus ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan mengenai penyalahgunaan dadah di dalam sukan dan juga jenis-jenis dadah yang tidak dibenarkan untuk digunakan. Selain itu, kursus ini bertujuan untuk menilai kefahaman pengurus dan jurulatih mengenai kesan-kesan penggunaan dadah serta tindakan yang bakal dihadapi jika atlet tersebut dibuktikan telah mengambil dadah secara langsung mahupun tidak langsung. Seterusnya kursus ini bertujuan untuk mengenalpasti tindakan dan juga langkah yang wajar dilaksanakan untuk mengelakkan penggunaan dadah di dalam sukan berlaku secara berleluasa.



Kursus Penyalahgunaan Dadah Dalam Sukan Untuk Persatuan-persatuan Sukan Di Wilayah Persekutuan Putrajaya

### Majlis Penyampaian Cek Kepada Persatuan-Persatuan Sukan Wilayah Persekutuan Ke Sukma XIV, Kuala Lumpur 2011

Penganjuran majlis yang diadakan pada 4 Mei 2011 bertujuan untuk menyuntik semangat serta memberi motivasi kepada persatuan-persatuan yang mengambil bahagian dalam persediaan menghadapi Sukan Malaysia XIV, Kuala Lumpur 2011. Selain itu, majlis ini bertujuan untuk mengeratkan silaturrahim dan kerjasama antara persatuan-persatuan sukan dan pengurusan tertinggi Kontinjen Wilayah Persekutuan dalam membentuk kesepaduan dan kesefahaman sebagai satu kontinjen.



## Majlis Penyerahan Bendera Kontinjen Wilayah Persekutuan Ke SUKMA XIV, Kuala Lumpur 2011

Majlis telah berlangsung pada 27 Mei 2011, bertempat di Dewan Megapuri, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Antara tujuan majlis ini adalah untuk mewujudkan dan melahirkan semangat berpasukan di kalangan atlet yang bertanding di samping dapat mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara atlet serta pengurusan tertinggi Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) ke arah membentuk semangat kekeluargaan. Selain itu, ia dapat memupuk kesedaran kepada semua pihak yang terlibat dalam membawa nama Wilayah Persekutuan ke peringkat yang lebih tinggi di bawah satu payung dan bendera Wilayah Persekutuan.





### Kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA) XIV, Kuala Lumpur 2011

SUKMA XIV, Kuala Lumpur 2011 telah dilangsungkan dengan penuh gemilang dan dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri, YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Bin Haji Mohd Yassin pada 2 Jun 2011 di Stadium Bola Sepak, Cheras. Kejohanan SUKMA kali ini mempertandingkan sebanyak 129 pingat emas dan perak serta 187 pingat gangsa yang akan menjadi rebutan 14 negeri termasuk Wilayah Persekutuan.

Kontinjen Wilayah Persekutuan yang merangkumi ketiga-tiga Wilayah iaitu Wilayah Persekutuan Labuan, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah menghantar seramai 336 orang atlet untuk menyertai kesemua acara yang dipertandingkan pada temasya tersebut.



Pada temasya SUKMA XIV, Kuala Lumpur 2011 kali ini, Kontinjen Wilayah Persekutuan telah memperoleh 7 pingat emas, 24 perak dan 31 gangsa dengan menduduki tempat kelima secara keseluruhan.

## Majlis Penyerahan Insentif SUKMA XIV, Kuala Lumpur 2011

Majlis ini telah berlangsung pada 18 Ogos 2011, bertempat di Kompleks Sukan Bangsar, Kuala Lumpur. Majlis disempurnakan oleh YB Dato' Raja Nong Chik Bin Dato' Raja Zainal Abidin, Menteri Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar. Majlis diadakan bertujuan untuk memberikan insentif kepada para atlet yang cemerlang dalam SUKMA XIV 2011 di Kuala Lumpur yang lepas.

Penganjuran majlis ini juga merupakan satu penghargaan daripada Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) kepada atlet yang telah mengharumkan nama Wilayah Persekutuan dalam SUKMA XIV Kuala Lumpur. Di samping itu, ia juga sebagai satu galakan kepada para atlet untuk mencapai kecemerlangan dalam bidang sukan.



## Malam Anugerah Sukan 2010

Majlis telah berlangsung pada 21 Oktober 2011, bertempat di Putra World Trade Centre (PWTC), Kuala Lumpur. Majlis diadakan sebagai tanda penghargaan kepada penggiat-penggiat sukan di Wilayah Persekutuan yang telah mengharumkan nama Wilayah Persekutuan khususnya dan negara amnya.

Majlis dihadiri oleh pengurus, jurulatih dan atlet. Sebanyak sembilan (9) kategori telah disediakan kepada peserta yang layak. Kategori-kategori tersebut seperti Pasukan Wanita terbaik yang dimenangi oleh Pasukan Bola Jaring Wilayah Persekutuan manakala Pasukan Lelaki Terbaik dimenangi oleh Pasukan Hoki Piala Tun Razak. Setiap pemenang membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak RM10,000.00 setiap pasukan.



**Majlis Penyerahan Geran Bantuan Kepada Persatuan-Persatuan Sukan Wilayah Persekutuan 2011**

Majlis telah diadakan pada 17 November 2011 bertempat di Dewan Megapuri, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Pemberian geran bantuan ini melibatkan Persatuan-persatuan Sukan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya sahaja. Majlis telah disempurnakan oleh YB Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin, Menteri Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar.

Semua persatuan yang hadir menerima geran bantuan sebanyak RM10,000.00 atau RM20,000.00 atau RM30,000.00. Jumlah pemberian geran bantuan yang diberikan adalah bergantung kepada keaktifan Persatuan-persatuan Sukan tersebut dalam merancang dan melaksanakan program pembangunan sukan masing-masing sepanjang tahun.



## PENGHARGAAN

Kami merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan penerbitan Laporan Tahunan KWPKB 2011

*We wish to express our deepest appreciation to all those who have contributed directly or indirectly to the successful publication of the KWPKB Annual Report 2011*







**KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR**

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,

62100 Putrajaya

Tel : 03-8889 7888 Faks : 03-88880375

[www.kwpkb.gov.my](http://www.kwpkb.gov.my)